

Jilid II
Bil. 16



MALAYSIA

Hari Juma'at
11hb Ogos, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2099]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perikanan (Pindaan) [Ruangan 2138]

Rang Undang² Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) [Ruangan 2142]

Rang Undang² Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan) [Ruangan 2162]

Rang Undang² Rahsia Rasmi [Ruangan 2164]

USUL²:

UCHAPAN² PENANGGOHAN—

Meminda Ordinan Perkahwinan Civil [Ruangan 2191]

Chukai Pendapatan untok Isteri² Bekerja—Pengechualian [Ruangan 2193]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Juma'at, 11hb Ogos, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATO' WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, **TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).**

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, **TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, **TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N., (Johor Bahru Barat).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, **TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).**
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, **TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).**
- „ **NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).**
- „ **DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).**
- „ **TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).**
- „ **TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).**
- „ **DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).**
- „ **DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).**
- „ **TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).**
- „ **AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang Lawas).**
- „ **TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).**
- „ **TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).**
- „ **TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).**
- „ **TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).**
- „ **TUAN MICHAEL CHAN WING SUM (Ulu Selangor).**
- „ **TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).**
- „ **TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).**
- „ **TUAN V. DAVID (Dato Kramat).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Kampar).**
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).**

Yang Berhormat TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATO' KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N. J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- Yang Berhormat TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N., (Batu Pahat).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar)

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATO' S. P. SEENTIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PENGHULU² KAKI-TANGAN KERAJAAN—PERENTAH 'AM

1. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada penghulu² ada-lah kaki-tangan Kerajaan yang terta'alok kepada Perintah Am, dan jika ya, mengapa-kah mereka di-arahkan berkempen untuk Parti Perikatan bagi tujuan² pilihanraya, seperti yang berlaku di-pilihanraya kecil Rembau/Tampin.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Penghulu² ada-lah kaki-tangan Kerajaan dan mereka ada-lah terta'alok kepada Perintah² 'Am. Walau bagaimana pun Penghulu² adalah termasuk dalam kumpulan Perkeranian dan Teknik. Dari itu mereka boleh mengambil bahagian dalam politik dengan syarat kebenaran Kerajaan di-perolehi terlebih dahulu.

Ada-lah tidak benar bahawa Penghulu² telah di-arahkan berkempen untuk Parti Perikatan atau mana² parti pun dalam pilihanraya kecil Rembau/Tampin, seperti mana yang di-dakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar pilihanraya kecil Rembau/Tampin baharu² ini, Penghulu² terdiri dari anggota² Perikatan selalu berjalan dan memberi cheramah kepada orang² kampung?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat keterangan seperti itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di-Negeri Sembilan ada sa-orang pegawai tinggi yang mengarahkan kepada pegawai² dan kaki-tangan²-nya pergi menjemput Perdana Menteri untuk memberi ucapan rally di-Negeri Sembilan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini semua saya tidak tahu hal ini.

RED TAPE—MENGHAPUSKAN

2. **Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk menghapuskan "red tape" dalam memperoseskan permohonan² untuk ranchangan² perusahaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil tindakan² yang tegas bagi mengemas dan juga mempercepatkan lagi kerja² memperoses dan seterusnya penglulusan permohonan² bagi projek² perusahaan. Langkah² yang di-ambil termasuklah penubuhan Yunit Khas di-FIDA, khusus untuk memperoses permohonan². Kerjasama serta "co-ordination" di-perkemaskan di-antara Kementerian² dan juga Jabatan² yang terlibat dalam proses dari peringkat permulaan sa-hingga kepada peringkat penglulusan.

Sa-buah Jawatan-kuasa Bertindak Berke-naan Galakan (Action Committee on Incentives) yang di-tubuhkan bermeshuarat tiap² minggu bagi menimbangkan permohonan dan membuat shor²-nya terus kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan Menteri Kewangan.

Kerajaan juga telah mengambil keputusan bahawa Perbadanan² Kemajuan Ekonomi Negeri di-beri kuasa penuh untuk mengawal kawasan² perusahaan serta memproses dan meluluskan tiap² kilang bagi perusahaan².

Kerajaan telah juga mengambil langkah² untuk memberi galakan² kepada pelabur² dalam ranchangan² perusahaan dengan mengadakan kawasan² perdagangan bebas atau "free trade zone", dan kawasan² tapak kilang (industrial estates) yang siap dengan kemudahan² seperti jalan, kuasa letrik dan ayer. Dari masa ka-masa, Kerajaan menentukan projek² yang di-beri keutamaan (priority projects) untuk di-beri galakan² yang lebeh.

Ada-lah di-perchayai langkah² tadi dapat menghapuskan "red tape" dan mempercepatkan penglulusan permohonan² bagi projek² perusahaan yang kian bertambah itu. Sa-bagai bandingan, dalam tahun 1968 hanya 41 sahaja projek² telah di-luluskan, manakala dalam tahun 1971, sa-jumlah 303 projek telah di-luluskan.

Kerajaan akan, dari masa ka-masa, mengkaji dan mengambil langkah² yang perlu untuk mempercepatkan proses penglulusan permohonan projek² perusahaan supaya hasrat Kerajaan untuk memajukan lapangan perusahaan di-negeri ini tidak akan tergendala.

Dr Tan Chee Khoon: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar walau pun langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri masing² tentang masaalah yang paling penting ia-lah masaalah tanah, dan ada-kah beliau sedar bahawa tanah sa-lain daripada tanah tapak perindustrian—tanah luar bandar maseh susah di-dapati oleh pedagang² di-tanah ayer kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saperti saya terangkan tadi, perkara ini telah di-atasi dengan mengadakan industrial estate dengan ada kemudahan². Dan bagitu juga Kerajaan Negeri telah di-beri tahu bahawa menurut dasar Kerajaan sekarang ini, mustahak-lah semua Kerajaan² Negeri menjadikan industri oriented dan saya perchaya kalau di-kehendaki tanah untuk industri, Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan. Tetapi kalau ada di-mana permintaan yang barangkali tidak dapat di-luluskan, kalau dapat di-beri tahu kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian atau pun saya sendiri, perkara ini akan di-siasat.

Tuan Goh Hock Guan: Minta izin, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal apa minta izin?

Tuan Goh Hock Guan: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan-nya di-beri dalam Bahasa Kebangsaan. Tanya dalam Bahasa Kebangsaan juga!

Tuan Goh Hock Guan: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh chuba. Saya hendak bertanya Perdana Menteri, boleh-kah beliau beritahu kita, berapa lama permohonan² untuk ranchangan² perusahaan kena menunggu sa-belum mereka boleh mendapat kelulusan permohonan mereka?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi permintaan ini akan di-proseskan dengan sa-berapa chepat yang

boleh. Masa-nya bergantung-lah kepada perusahaan itu. Kalau perusahaan itu yang memang kita beri galakan, ini akan dapat di-proses dengan sa-bentar sahaja. Barangkali kalau perusahaan lain harus mengambil masa sedikit. Tetapi sebab dasar kita hendak menggalakkan indastri, ini kita akan berusaha bersungguh² untuk menchepatkan perusahaan permintaan² ini.

Tuan Goh Hock Guan: Boleh-kah Perdana Menteri beritahu mithal-nya jikalau sa-orang investor yang hendak membentok satu pioneer industry di-negara kita, boleh-kah Kerajaan beri satu rough idea berapa lama permohonan ini kena tunggu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu hendakkan keterangan², boleh-lah berjumpa dengan FIDA. Semua keterangan² boleh di-beri oleh pihak FIDA yang bertanggung-jawab dalam hal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ada apa harapan bahawa keazaman baharu Kerajaan untuk menghapuskan "red tape" dalam memproseskan permohonan² untuk ranchangan² perusahaan akan berjaya kali ini dan masa lagi sa-tahun kita tidak akan dengar bahawa ada "red tape" lagi dan memerlukan keazaman baru untuk menghapuskan, kerana jikalau tidak silap dahulu sa-lepas 13 Mei, saya ingat ada satu Jawatankuasa—Capital Investment Committee yang di-ketua oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Masa itu dia berchakap ada "red tape". Ada-kah keazaman menghapuskan semua "red tape" supaya tidak ada lagi sa-kali? Hari ini kita ada dengar lagi "red tape". Ada-kah harapan bahawa itu semua sa-kali sa-benar-nya akan di-hapuskan dan lagi sa-tahun, dua tahun tidak berulang lagi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan ada "red tape". Ini hanya pihak Pembangkang mengatakan ada "red tape". Red tape sudah kita hapuskan. Kalau ada sedikit sa-banyak saki baki, kita akan hapuskan juga.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-bagai satu langkah yang boleh menolong prospective investors yang akan membentok perusahaan di-negara kita, boleh-lah Kerajaan memberitahu kepada orang ramai di-negeri kita dan

seluruh dunia dalam satu bulan, atau dua bulan, atau tiga bulan permohonan² berkenaan ranchangan² perusahaan boleh mendapat kelulusan. Oleh sebab saya perchaya di-lain developing countries, Kerajaan boleh beri jaminan atas perkara itu dan saya harap jikalau Kerajaan kita boleh beri jaminan bagitu, maka ini ada-lah langkah yang sesuai dan berfaedah kepada negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini semua kita sudah ambil langkah dan saperti saya kata tadi, kalau Ahli Yang Berhormat hendak tahu elok-lah kalau pergi ka-FIDA supaya dapat keterangan² tentang hal ini. Jadi kalau dia mengulangi soalan di-sini dengan tidak mengetahui hal ini, saya fikir ini akan merugikan masa Dewan ini dan saya suka terangkan di-sini ia-itu kelambatan bagi mendirikan indastri sekarang ini bukan kelambatan dari pihak Kerajaan, bahkan dari investors sendiri yang mengambil masa satu tahun, dua tahun untuk menubuhkan indastri. Dan sa-tengah²-nya, kita terpaksa di-kensel lesen-nya kerana kelambatan menubuhkan indastri.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beritahu atau mengambil tindakan supaya pemohon² kebenaran daripada Kerajaan untuk mendirikan kilang² boleh pergi sa-buah pejabat sahaja, sa-umpama-nya FIDA sahaja, dan FIDA boleh mengambil tindakan untuk menolong si-pemohon² oleh sebab kalau si-pemohon² sa-orang asing, dia pergi ka-Jabatan Talikom, Jabatan Tanah dan Jabatan Ayer dan lain². Mereka hanya membuang masa sahaja. Tetapi kalau sa-kiranya mereka pergi ka-sa-buah pejabat sahaja, sa-umpama FIDA dan FIDA boleh mengambil tindakan untuk menolong pemohon itu, pada pendapat saya itu ada-lah lebeh sesuai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini sudah out-of-date dan sa-benar-nya perkara ini sudah di-jalankan beberapa bulan yang lalu.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan mahu buang masa di-Dewan ini, tetapi saya hendak bertanya kepada Perdana Menteri. Jikalau mithal-nya kita beri satu chontoh, jikalau Perdana Menteri ada-lah sa-orang investor yang hendak membentok satu pioneer

industry di-satu negara developing country mesti-lah dia mahu tahu dalam economic calculation-nya berapa lama application untuk membentok ranchangan² perusahaan yang dia hendak membentok, berapa lama dia kena tunggu. Jikalau Indonesia boleh beri jaminan dua bulan, Singapura kalau dua bulan, Hong Kong kalau tiga bulan, jikalau Malaysia boleh beri jaminan satu bulan sahaja, saya perchaya negara kita boleh dapat investment daripada investor² ini. Boleh-kah Kerajaan beri jaminan berkenaan hal ini?

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, kita pernah meluluskan permohonan² daripada beberapa sharikat² luar negeri dengan hanya mengambil masa 18 hari sahaja dan kalau Ahli Yang Berhormat itu baca surat khabar, *Straits Times* hari ini ada berita besar di-situ di-mana kita telah meluluskan permohonan itu semua sa-kali dalam masa satu bulan sahaja.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, FIDA lekas mengambil tindakan untuk mendapatkan satu² faktori atau kilang. Tetapi Kerajaan kita menggalakkan supaya faktori² atau kilang² ini di-luar bandar. Jadi, di-luar bandar ma'ana-nya di-kampong². Soal yang susah sa-kali ia-lah berkenaan dengan tanah, tukar sharat tanah mengambil masa chukop lama. Kadang² lapan bulan. Dengan sebab itu di-minta-lah pada hari akan datang supaya lekas sharat tanah ini di-tukar. Itu-lah yang di-minta supaya Kementerian yang bertanggung-jawab boleh berhubung dengan pejabat² tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan-nya?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan-nya bagini. Boleh-kah atau tidak Kementerian yang bertanggung-jawab dapat menggesa Pejabat² Tanah supaya dapat tukar sharat ini di-lekaskan?

Perdana Menteri: Ini soal lain, tidak ada kena-mengena dengan soalan ini, saya fikir.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, sebab taraf perintis banyak tidak ada jalankan dan banyak daripada 500 sahaja, 130 atau 150 ada starter dan lain tidak ada non-starter dan sebab kita mahu tahu apa sebab ada banyak non-starter ini, boleh-kah

Kerajaan menubuhkan satu Jawatan-kuasa Penyiasat apa faktor² yang menjadikan masalah yang besar, dan kalau tidak di-atasi sangat ekonomi kita akan datang sangat susah.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ta' payah-lah susah kita mengadakan satu Jawatan-kuasa kerana kita telah pun sediakan satu peratoran yang tetap di-antara pihak Kementerian saya dengan pihak Perbendaharaan (Treasury) di-mana kita dapat memberi segala tugas² itu dengan chukup lichin-nya. Jadi kalau ada Jawatan-kuasa ini nanti lambat lagi.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Hal red tape atau bureaucracy bukan-lah di-dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja, tetapi di-semua Kementerian² dan Pejabat² Kerajaan ada pun red tape dan soalan tambahan saya sekarang hendak di-kemuka-kan ia-lah boleh-kah Kementerian Per-dagangan dan Perindustrian berhubung dengan erat, dengan rapat dengan Pejabat² Tanah dan Pegawai² Daerah di-tiap² tempat di-negara oleh sebab banyak-lah orang yang hendak membentok ranchangan² perusahaan telah menghadapi kesusahan oleh sebab tanah² mereka yang hendak membentok perusahaan² ia-lah tanah pertanian, zoning agricultural land dan jikalau mereka hendak mengubah zoning itu conversion from agricultural land into industrial land masa-nya tersangat-lah lambat dapat kelulusan berkenaan hal ini. Ini-lah satu hal saya harap Kementerian boleh mengkaji.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi saya contoh² di-atas kelambatan itu, saya dapat menyiasat dan ambil tindakan. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, baharu² ini kalau Ahli Yang Berhormat itu baca surat² khabar tentu-lah dapat tahu berita² yang di-mana saya telah menyatakan bahawa saya telah mengambil tindakan untuk mengadakan satu follow-up unit di-dalam FIDA dengan tujuan tidak lain dan tidak bukan ia-lah untuk mempercepatkan segala kerja² ber-sangkut dengan penubuhan kilang². Sa-kira-nya ada kelambatan bersangkut dengan tanah letrik, talipon dan sa-bagai-nya, maka unit yang di-tugaskan itu akan pergi on the spot untuk memeriksa perkara² itu supaya dapat di-putuskan dengan segera.

PENDAFTARAN PENGUNDI² SA-CHARA OTOMATIK

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada terdapat apa² keputusan atau ranchangan untuk mengadakan pendaftaran pengundi² sa-chara oto-matik untuk menentukan perjalanan proses² demokrasi yang lichin;
- (ii) tempoh gerakan pendaftaran pe-ngundi² untuk tahun ini;
- (iii) sama ada Surohanjaya Pilehanraya telah di-beri wang yang menchukupi untuk mengambil chukup Pegawai² Pendaftaran serta menchetak borang² pendaftaran untuk melichinkan lagi perjalanan pendaftaran; dan
- (iv) sama ada Parti² Pembangkang akan di-beri chukup kemudahan² dan di-bolehan mendapat borang² pen-daftaran bagi membantu dalam usaha pendaftaran ini supaya lebih bererti lagi ma'ana dan isi kandungan pilehan-nya dan jentera dan proses demokrasi dalam Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Sa-takat ini belum-lah ada ranchangan mengadakan pendaftaran pengundi sa-chara otomatik;
- (ii) Tempoh gerakan pendaftaran pengundi untuk tahun ini belum-lah boleh di-istiharkan kerana ada-lah menjadi kebiasaan-nya untuk Surohanjaya Pilehanraya mengistiharkan sa-penoh-nya berhubung dengan pendaftaran pe-ngundi sa-minggu sa-belum tarikh pen-daftaran di-mulakan;
- (iii) Surohanjaya Pilehanraya telah pun di-beri peruntukan wang yang chukup untuk mengambil pegawai² pendaftaran dan menchetak borang² pendaftaran yang di-perlukan;
- (iv) Tiap² ra'ayat Malaysia di-beri chukup kemudahan untuk mendaftarkan diri dan sa-siapa saja boleh bekerjasama dengan Penolong Pegawai Pendaftar di-tempat mereka masing².

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bahawa dalam gerakan pendaftaran pengundi² baharu tahun ini tidak ada berlaku sa-macam perbuatan tahun dahulu di-mana

banyak tempat, dan pekan daerah tidak boleh dapat borang² untuk mendaftar sebagai pengundi² dan bahawa dalam gerakan di-bulan depan tentu akan ada chukop borang kapada semua kawasan untuk mendaftar semua pengundi² baharu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah beri penerangan tadi ia-itu Kerajaan telah menguntokkan wang yang chukop bagi Surohanjaya Pilehanraya untuk hendak menyediakan borang² yang dikehendaki dan saya percaya Surohanjaya ini akan mengadakan borang² seperti yang dikehendaki.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh-kah lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatorkan kerana mendaftarkan pengundi² yang berkelayakan satu unsur sangat mustahak dalam proses demokrasi dan untuk melichinkan pendaftaran pengundi² baharu mengatorkan satu meshuarat semua parti politik di-semua peringkat daripada kebangsaan, negeri² dan daerah untuk dapat satu meshuarat di-mana semua pihak boleh berunding dan tengok bagaimana sangat elok untuk menjalankan gerakan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak mustahak kita mengadakan meshuarat sa-macam itu kalau pihak Pembangkang ada apa² pandangan berkenaan dengan ini, boleh-lah berutus terus dengan Surohanjaya Pilehanraya, kerana Surohanjaya Pilehanraya ini ada-lah bebas menjalankan tugas²-nya.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bila-kah Surohanjaya Pilehanraya tersebut boleh mengadakan pendaftaran keseluruhan tahunannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya harap tahun hadapan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu ka-dalam Dewan yang mulia ini tentang usaha² yang di-jalankan supaya tiap² ra'ayat dalam negeri ini yang chukop umur-nya 21 tahun supaya dapat mengundi semua-nya, kerana apa yang telah berlaku banyak orang yang tidak dapat mengundi walau pun umur-nya chukop kerana tidak ada dalam buku pendaftaran.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini saya ta' boleh beri jaminan, kerana Kerajaan dan juga Surohanjaya Pilehanraya boleh adakan ia-itu kemudahan² untuk ra'ayat hendak mendaftarkan diri supaya boleh menjadi pengundi². Maka terpulanglah kapada ra'ayat untuk memberi kerjasama dan mendaftarkan diri mereka supaya mereka itu boleh mengundi dalam pilehanraya yang akan datang.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tahun dahulu kita ada mengalami bahawa kita ada tempat tidak dapat kerjasama sa-penoh-nya daripada pihak pendaftar pengundi². Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bahawa dalam gerakan yang akan di-lancarkan, pegawai² dan parti² Pembangkang akan di-beri semua kerjasama dalam gerakan ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi perkara ini dan saya telah beri akuan.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Saya dengar ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan pendaftaran pengundi² baharu ia-lah satu langkah yang elok dan soalan tambahan sekarang yang saya hendak bertanya ia-lah boleh-kah Kerajaan timbangan dan beri kelulusan jikalau kita buat satu shor ia-itu satu compulsory voting bagi tiap² pengundi di-Malaysia. Jikalau kita hendak mahu prektis melaksanakan sa-penoh-nya sistem Parliamentary Democracy di-Malaysia dalam pandangan saya elok-lah jikalau kita boleh beri atau memaksa tiap² pengundi membuang hak undi mereka di-dalam pilehanraya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir chara memaksa orang² mengundi ini bukan-lah satu chara yang patut di-amalkan dalam demokrasi yang sa-benar-nya. Jadi demokrasi ini berma'ana kebebasan, maka patut-lah pengundi² di-beri kebebasan sama ada mereka itu suka hendak mengundi atau pun tidak.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ada-lah di-dapati ramai pengundi² yang segan datang ka-tempat² membuang undi. Masa-lah kedua ia-lah banyak pengundi²

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan masalah, soalan tambahan sahaja saya hendak dengar. Masalah² itu kemudian.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Oleh sebab pengundi² di-Malaysia menghadapi banyak kerumitan berkenaan membuang undi dalam pilihanraya, bolehkah Kerajaan mengadakan satu Rang Undang-ia-itu memaksa tiap² pengundi membuang undi dalam pilihanraya?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah di-jawab tadi.

KAD² PENGENALAN BIRU—PEMEGANG²

4. Tuan Andrew Mara Anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ada ramai belia² yang ibu bapa-nya memegang Kad² Pengenalan Biru, tetapi mereka maseh di-beri Kad² Pengenalan Merah oleh kerana mereka di-lahirkan di-luar Sarawak sa-belum 1963; dan
- (b) langkah² yang sedang di-ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ibu/bapa belia² itu telah di-keluarkan dengan Kad Pengenalan Biru dengan sebab mereka itu ada-lah warganegara. Anak² mereka yang telah di-lahirkan sa-belum 16-9-63 di-luar daripada Negeri Sarawak tidak menjadi warga-negara menerusi perjalanan undang² dengan chara automatik kerana mereka tidak memenohi sharat² yang berkenaan di-bawah Bahagian I kepada Jadual Kedua Perlembagaan; itu-lah sebab-nya mereka di-keluarkan dengan Kad Pengenalan Merah.
- (b) Ada-lah terpulang kepada mereka untuk memohon kewarganegaraan di-bawah Perkara² yang berkenaan mengikut Perlembagaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan citizenship "by operation of law" kepada sa-orang yang lahir di-negeri Sarawak yang berumur lebih 21 tahun sedangkan bapa-nya lahir di-Malaysia dan ada mempunyai surat beranak dan juga ada sijil warganegara.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya nasehatkan Ahli Yang Berhormat itu membacha Perlembagaan.

FILEM² X—PENGHARAMAN

5. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah filem² X "untuk orang² dewasa sahaja" yang telah di-luluskan untuk penayangan oleh Lembaga Penapis sejak pengharaman ka-atas filem² X di-tarek balek, dan beri angka² bagi filem² ini mengikut negara yang mengeluarkan-nya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah filem² "untuk orang² dewasa sahaja" yang telah di-luluskan oleh Lembaga Penapis Filem untuk tayangan sejak pengharaman ka-atas filem² X di-tarek balek ia-lah 46 buah.

Angka² bagi filem² ini mengikut negara yang mengeluarkan-nya ia-lah seperti berikut:

(a) Amerika Sharikat	...	10
(b) United Kingdom	...	4
(c) Itali	...	5
(d) Jerman Barat	...	11
(e) Switzerland	...	1
(f) Sweden	...	2
(g) Jepun	...	9
(h) Hongkong	...	3 dan
(i) Taiwan	...	1

BILANGAN DI-KEM TAHANAN PULAU JEREJAK

6. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan banduan yang telah mati di-Kem Tahanan Pulau Jerejak dan sebab²-nya.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tiada sa-orang pun yang mati dalam Pusat Pemulihan Akhlak di-Pulau Jerejak sejak Pusat itu di-tubuhkan sa-lepas 13-5-1969. Tetapi ada tiga orang daripada mereka itu telah jatuh sakit sa-masa menjalani hukuman tahanan. Mereka itu telah di-hantar ka-Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan. Mereka mati sa-masa mereka sedang di-rawat di-Hospital tersebut. Sa-orang mati kerana mengidap penyakit "gastro intestinal bleeding"; sa-orang lagi kerana "uraemia" dan yang ketiga kerana "cerebral abscess".

CHUKAI PENDAPATAN— SEBAB² DI-PUNGUT

7. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Kewangan menyatakan sebab² utama Chukai Pendapatan di-pungut.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan hasil bagi Kerajaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut prinsip itu kutipan ada-lah baik, tetapi mengikut praktis kita nampak orang² yang membayar income tax tiada dapat faedah daripada bayaran income tax.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sa-kejap, nanti dahulu! Dengar saya chakap, apa soalan tambahan-nya?

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan-nya, boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu kepada Dewan ini, apa sebab ra'ayat jelata di-kehendaki membayar lagi bila mereka pergi mendapatkan treatment dari hospital dan apa sebab mereka kena membayar school fees, bila mereka menghantar anak² mereka ka-sekolah menengah?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Ini bukan soalan lain, itu jawapan lain. (Ketawa). Nampak saya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Dudok! Jangan buang masa.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan berchadang hendak mengurangkan sedikit kuasa Pemungut Chukai Pendapatan yang selalu-nya mengenakan tak-siran chukai pendapatan mengikut kiraan-nya sahaja sa-telah pehak² yang di-kenakan chukai pendapatan hanya membuat penyata dengan tidak di-odit oleh pemereksa kira² yang bertauliah. Selalu-nya pehak Pemungut Chukai Pendapatan mengenakan mengikut kiraan pehak pemungut sahaja. Jadi boleh-kah Yang Berhormat Menteri mengurangkan sedikit kuasa yang demikian supaya pembayar chukai tidak begitu berat menghadapi-nya.

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member who just spoke obviously wants to turn this into

a debate on income tax, and I am not prepared to allow a general question like this to be turned into a debate.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sudah menchukopi?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Nanti, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah di-sini, chuma saya hendak kata betul dari segi jawapan Menteri Kewangan itu, chuma bagini

Tuan Yang di-Pertua: Jadi hendak beri terima kaseh-lah!

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Maksud saya oleh kerana sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Menteri sudah terangkan perkara income tax ta' boleh jadi debate. Ada-kah ta' puas juga lagi, hendak debate juga lagi?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kaseh.

PAUN BRITISH— KEJATOHAN MATAWANG

8. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak-kah kerugian Malaysia di-sebabkan kejatohan matawang paun British dan kemasokan British ka-dalam Pasaran Bersama Eropah.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat tentu ingat bahawa saya telah membuat satu kenyataan penoh berkenaan perkara ini bagi menjawab satu soalan yang di-kemukakan kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun pada 9hb Ogos yang lalu. Tidak ada apa² lagi saya hendak tambah, melainkan untuk menyatakan bahawa Malaysia tidak harus mengalami apa² kerugian wang akibat kemasokan Britain ka-dalam Pasaran Bersama Eropah.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Sir, do we take from the answer, which has just come out from the Honourable Minister of Finance, that Malaysia did not lose a single dollar at all as a result of the devaluation of the British pound, because I believe, Sir—correct me if I am wrong—that quite a substantial amount of our foreign reserve is kept in sterling and if the British pound is devalued, therefore, we must suffer some

loss? I believe the Singapore Government suffers a loss up to the tune of \$45 million. Therefore, the loss to Malaysia must be at least in the region of close to \$50 million? Could the Minister of Finance please confirm if this is so?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, as I stated in my reply, I have nothing further to add to the reply which I gave to a written question. Unfortunately the Honourable Member who has just spoken apparently has not even bothered to read and digest that reply. If he had taken the trouble to do so, he would have found the answer to his question in that reply.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister of Finance confirm whether it is a fact that long before the devaluation of the pound or the floating of the pound, a World Bank official had already advised the Malaysian Government of this impending move on the part of the British Government? If so, why no steps were taken to transfer our reserves from the pound sterling area before the floating of the pound?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the question of the Honourable Member unfortunately reveals his ignorance of this subject. To begin with, the World Bank does not deal with international monetary questions. As the Honourable Member should have known by now, the World Bank only provides project loans. So his question, in fact, is obviously wrong; it is wide off the mark.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I may be well off the mark, but I am not talking about a World Bank official coming here specifically to give advice on this. The clarification I am seeking from the Honourable Minister of Finance is this: whether a World Bank official who happened to visit this country on other business, had, *pari passu* given this advice? I am not implying that he came here specifically for this. In passing, he gave such advice. If so, why was it not taken?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, as I have tried to impress upon the Honourable Member, it is not the business of the World Bank to advise on international monetary questions and, further, no such

advice was ever given and I hope it will not be necessary for the Malaysian Treasury to accept advice from outsiders.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri Kewangan beritahu Dewan ini berapa banyak profit Malaysia dapat daripada devaluation of the pound?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member who last spoke is even wider off the mark. (*Ketawa*)

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Honourable Minister of Finance is extremely fond of saying that Members of the Opposition either do not know economics or are well off the mark. But, Sir, we should consider the amount of loss which Malaysia has suffered as a result of British devaluation and the entry of Britain into the European Common Market, an event which I warned the Finance Minister during the last session of Parliament, when he told me I do not know my economics. But events have shown that Malaysia has suffered a loss arising from Britain's entry into the European Common Market. Sir, would not the Finance Minister agree in the light of changing circumstances that perhaps he, too, sometimes, in spite of his financial wisdom, suffers from a temporary lapse of economic imbalance?

Tuan Yang di-Pertua: It is not a supplementary question.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, but the question is whether the Finance Minister would agree that he has made an error in the calculation on the economics balance sheet?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, to begin with, the last Honourable Member who spoke is talking complete rubbish, if I may say so. (*Ketawa*) I do not see how—we could possibly lose money by the proposed entry of Britain into the European Economic Community? Perhaps he could enlighten the House how this could possibly happen. Secondly, I certainly would not have any hesitation in telling this House, and if necessary the world, what we did or did not do in the matter of management of our external reserve assets, but, unfortunately, as I tried to point out in my answer of a few days ago, to do so, could probably create international currency movements which

would do far more harm than good. Speaking for myself first, and the Treasury, I do not think any public revelation of what we did or did not do to anticipate events would hurt us. In fact, speaking for myself personally, probably it will do me a lot of credit, but I do not think it is right to boost our image at the expense of the international monetary situation.

Tuan Goh Hock Guan: Mr Speaker, Sir, I would like to believe and hope that future developments in the economic front would give justice to that hopeful assertion which the Finance Minister has made, that it is wiser for us not to reveal and not to let the country know how much our country has suffered as a result of British devaluation. But, Sir, I for one and I believe other Honourable Members on both sides of this House and the country must be concerned to know and would want to know how much we have lost as a result of the devaluation of the British pound. I, Sir, cannot understand why this should be a matter of such secrecy in view of the fact that the Finance Minister himself has, on previous occasions, revealed how much of our foreign reserves is kept in British sterling, how much is in American-dollar and how much in Deutschmark, in Japanese yen and so on. That is the first point.

The second point, Sir, is that other Governments, the Singapore Government, for instance, has no hesitation in revealing the amount of money which they have lost, which is about \$45 million. Therefore, I assume, Sir, that in the case of Malaysia, a bigger country, anybody could work this out—he does not need to be a top-flight economist—anybody could work it out that Malaysia would have suffered a loss bigger than \$45 million. So I want a confirmation from the Finance Minister whether this is so or not.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, it is typical of the Honourable Member to base his reasoning on wrong facts. To begin

with, the Singapore Government has not passed out that information.

Tuan Ng Hoe Hun: (*Dengan izin*) Will the Honourable the Finance Minister realign the Malaysian currency with that of the renmembi of China?

Tuan Yang di-Pertua: That is an entirely different question.

Tuan Ng Hoe Hun: Would you allow the Finance Minister to give an answer?

Tuan Yang di-Pertua: I will certainly not allow him.

Tuan Ng Hoe Hun: Thank you—if you say so. (*Ketawa*)

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Finance Minister is actually reluctant to reveal any figures regarding our loss. Let it be so then, Sir, because that is his prerogative, unless Tuan Speaker compels him to answer the question. But, Sir, the other question I want to ask now is this—it is also in connection with the devaluation of the British pound—whether the Finance Minister in his wisdom, would anticipate a further devaluation of the British pound and the American dollar in view of the uncertainty of these two currencies at this moment. If that happened, would we suffer a loss and what precautions have been taken to protect ourselves against such financial losses?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, it is not my business to make prophesies in regard to the pound sterling or the U.S. dollar. I am sure if the Honourable Member opposite were Britain's Chancellor of the Exchequer or America's Secretary of the Treasury, he would not appreciate any comments on his currency made by an outsider. Secondly, I can give the Honourable Member one bit of information. If there were a further devaluation of the U.S. dollar or the pound sterling, we will be making money.

PINJAMAN KAKITANGAN KERAJAAN MENDIRIKAN RUMAH²

9. **Tuan Goh Hock Guan** minta Menteri Kewangan menyatakan sa-hingga sekarang:

- berapa banyak pinjaman yang telah di-berikan kepada kakitangan Kerajaan untuk membolehkan mereka mendirikan rumah² mereka sendiri;
- nyatakan angka bagi tiap² Negeri;
- nyatakan pinjaman yang lengkap mengikut jumlah pinjaman yang di-beri kepada tiap² bahagian bagi Perkhidmatan Kerajaan, mithalan, Bahagian I, Bahagian II, Bahagian III dan lain²; dan
- berapa ekar, harga dan tempat tanah² itu yang telah di-beli bagi kegunaan ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga akhir Julai, 1972 kedudukan pinjaman perumahan yang di-luluskan ada-lah seperti berikut:

	Banyak Permohonan di-terima	Jumlah Pinjaman Wang di-pinta	Permohonan di-luluskan	Jumlah Pinjaman di-luluskan	Jumlah Pinjaman Wang yang telah di-bayar
		\$		\$	\$
Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas	377	8,758,435	248	6,028,580	4,344,777
Kumpulan Kerja dan Sa-pa- Ikhtisas	1,308	30,387,312	894	21,749,055	15,622,219
Kumpulan Perkeranian dan Teknik	1,932	44,884,012	1,316	32,018,357	23,055,347
Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buroh Kasar	54	1,254,522	25	603,078	437,981
JUMLAH ...	3,671	\$85,284,281	2,483	\$60,399,070	\$43,500,324

Pinjaman yang tersebut ia-lah bagi perumahan di-negeri² seperti berikut:

Negeri ²	Bilangan Permohonan di-terima	Banyak Wang di-pinta
		\$
Johor	140	3,511,495
Kedah	75	1,456,859
Kelantan	21	253,513
Melaka	71	1,231,679
Negri Sembilan	218	3,940,701
Pahang	50	758,827
Perak	261	4,030,703
Perlis	5	55,847
Pulau Pinang	178	3,701,000
Selangor	2,647	66,244,685
Trengganu	5	98,972
JUMLAH ...	3,671	\$85,284,281

Keterangan mengenai tanah yang di-beli bagi kegunaan perumahan untuk di-jual kepada pekerja Kerajaan ia-lah:

Tempat	Luas Tanah	Jumlah Harga Belian	Banyak Petak Perumahan yang boleh di-perolehi
Kawasan Damansara Heights ...	603.663 ekar	\$12.6 juta	1,364 petak rumah bungalow 924 rumah berbandong 911 flat 110 rumah kedai
Kawasan Bungsar Park ...	... 19.337 ekar	\$1.6 juta	92 petak rumah bungalow

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, would the Honourable Finance Minister consider increasing the amount of loans to be given to the lower categories of Government servants, i.e. Division III, IV and so on—granted that the Division I officers and so on also need housing very urgently—in view of the fact that these are the poorer sections of our Civil Service and more money should be given to them in the form of loans for housing purposes?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, we fully appreciate that it is desirable to increase the amount of loans to the lower income groups, and we are already looking into the matter of accelerating this process.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, under the Second Malaysia 5-Year Plan, \$1,000 million have been allocated to provide loans to Government servants to purchase homes—i.e. both Government's contribution and the expected contributions from the private banks. Would the Honourable Finance Minister tell this House whether it is possible for this \$1,000 million to be expended and used in this 5-year period?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, we shall certainly try our best to achieve our targets.

INDASTRI² BARU— PELUANG PEKERJAAN

10. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak dari awal Ranchangan Malaysia Yang Kedua hingga hari ini:

- (a) berapa banyak-kah industri² baru yang telah di-dirikan dan jumlah pelabornya;
- (b) berapa banyak-kah pekerjaan² baru yang telah di-ujudkan di-sebabkan oleh (a) di-atas; dan
- (c) nyatakan di-mana industri² yang baru itu di-tempatkan dan jumlah pelaburan bagi sa-tiap negeri.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah projek² yang telah di-berikan taraf perintis pada tahun 1971, 34 ada-lah sedang dalam pengeluaran sementara 73 ada-lah di-dalam proses membina bangunan² kilang. Kesemua 107 projek ini mempunyai "called-up Capital" yang di-chadangkan sa-banyak \$173.1 juta dan di-jangka dapat mengadakan 13,015 peluang² pekerjaan.

Penempatan perusahaan² baharu ini dari segi jumlah pelaburan di-negeri² ada-lah seperti berikut:

Negeri	Called-up Capital yang di-chadangkan (\$ juta)
Selangor	\$ 71.2
Pulau Pinang	27.0
Johor	22.0
Perak	15.8
Negeri Sembilan	2.8
Melaka	4.0
Pahang	22.5
Kelantan	2.0
Trengganu	0.5
Kedah	0.2
Sabah	4.2
Sarawak	0.9
	\$173.1

Kerajaan telah juga memberikan kelulusan kepada projek² bukan bertaraf perintis akan tetapi kedudukan sa-benar-nya tentang kemajuan pelaksanaan projek² ini belum lagi di-ketahui oleh kerana satu "survey" ka-atas projek² ini baharu sahaja di-jalankan.

Bagi tempoh 1hb Januari, 1972 hingga 30 hb Jun, 1972, Kerajaan telah meluluskan sa-jumlah 153 projek (bertaraf perintis dan yang bukan bertaraf perintis), yang mana tiap² satu daripada-nya akan mengambil masa sa-lama 12 hingga 18 bulan untuk di-laksanakan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana dalam angka yang di-tunjokkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi, bahawa sa-sunggohnya di-Trengganu ada-lah yang paling sedikit modal yang hendak di-laborkan bagi perindustrian, ia-itu \$0.5 juta, maka apa-kah usaha² yang di-jalankan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan agar angka itu di-tambahkan sedikit daripada angka \$0.5 juta tersebut?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya, yang kurang sa-kali, yang habis kurang sa-kali ia-lah negeri Kedah, ia-itu \$0.2 juta. Kalau saya

hendak menolong pun saya akan menolong negeri Kedah terlebih dahulu. (Ketawa)

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Further to my question (b) on employment, Sir, will the Honourable Minister tell us how successful his Ministry's efforts have been in trying to encourage the establishment of labour intensive industries, as distinct from capital intensive industries, to generate more employment in this country?

Tuan Mohamed Khir Johari: (Dengan izin) I think our efforts towards promoting these labour intensive industries, I must say, have been very successful indeed and I think within the next six months I will be able, I hope, to give a very bright picture of the whole position. But even as things stand today, I can say with confidence that we have succeeded in bringing at this stage, no less than about 10 very labour intensive industries not only from the United States but also from Germany and also from Japan and we will, in the next few months, pursue with all vigour in order to obtain maximum results in this direction.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 11 hingga 39 ada-lah di-beri di-bawah ini).

MAS—PENGAMBILAN BELIA² MALAYSIA TIMOR

11. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang dengan lebih teliti tentang pengambilan belia² Malaysia Timor, terutama mereka dari Sarawak, untuk bekerja dengan MAS apabila Sharikat Penerbangan itu memulakan perkhidmatan-nya.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Perhatian yang berat ada-lah di-beri kepada pengambilan² kakitangan daripada Malaysia Timor sekira-nya mereka itu ada kelayakan yang di-kehendaki mengikut aturan² dan kehendak² sesuatu jawatan itu. Sekira-nya terdapat kekosongan jawatan di-Malaysia Timor maka keutamaan akan di-beri kepada belia² Malaysia Timor apabila pemilehan di-adakan kelak.

PENGKALAN LAUT LUMUT—PEMBENAAN

12. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) bila-kah kerja² membena pengkalan laut Lumut akan bermula;
- (ii) apa-kah langkah² yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bayaran ganti-rugi yang adil bagi se-tinggan² dan tuan² punya tanah yang akan terlibat dengan pengambilan tanah oleh Kerajaan untuk perprojek pengkalan laut Lumut;
- (iii) sama ada Kerajaan sedar akan kebimbangan di-kalangan penduduk² di-Sitiawan berkenaan pilihan pengkalan laut Lumut; dan sama ada beliau akan memberi peluang yang cukup kepada penduduk² Lumut untuk memberikan pendapat mereka mengenai perkara ini.

Perdana Menteri:

- (i) Kerja-kerja mengenai projek Pengkalan Laut Lumut akan dimulakan kira-kira pada pertengahan tahun 1973.
- (ii) Berhubung dengan bayaran ganti rugi kepada penduduk² dalam kawasan yang terlibat, perkara ini sedang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Perak mengikut undang² yang pada masa ini sedang di-kuatkuasakan dalam negeri tersebut.
- (iii) Reaksi penduduk² yang terlibat dari projek tersebut itu boleh di-fahami walau pun ia-nya belum pernah di-kemukakan melalui apa² sumber jua pun. Walau bagaimana pun Kerajaan telah pun menimbang-buruk-baik projek itu dan berpendapat bahawa faedah² projek ini, sama ada dari segi ekonomi atau sa-balek-nya ada-lah jauh lebih besar daripada apa² kesulitan yang akan di-alami oleh penduduk² yang terlibat itu dalam masa perengkat permulaan-nya dan dengan itu tidak-lah perlu lagi perkara ini di-buka semula untuk di-bincangkan sa-lanjut-nya.

KENAIKAN HARGA BARANG²—MENGHINDARKAN

13. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar

bahawa pengumuman perkapalan sa-chara terus dari pelabuhan² di-Malaysia Barat ka-pelabuhan² di-Malaysia Timor yang di-chadangkan itu telah menyebabkan harga barang² di-kedai² di-bandar² di-Sarawak melambung tinggi, dan jika ya, apa-kah langkah² berkesan yang sedang di-ambil untuk menghindarkan kenaikan² harga barang² supaya pengguna² tidak menanggung kesan-nya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tujuan langkah yang di-umumkan baru² ini di-lalam Pekeliling dari Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja Malaysia pada 25hb Jun, 1972 mengenai penghantaran terus dengan kapal barang² buatan Malaysia ka-Malaysia Timor ada-lah untuk menentukan yaitu barang² yang bersama tarif di-hantarkan ka-Malaysia Timor hanya melalui pelabuhan² di-Malaysia Barat.

Walaupun demikian, barang² buatan tempatan yang di-kenakan cukai eksais, maseh lagi boleh di-hantarkan ka-Malaysia Timor melalui Singapura. Daripada ma'alu-mat² yang di-ketahui sa-jumlah besar dari barang² buatan Malaysia Barat yang di-hantar ka-Malaysia Timor ada-lah barang² yang di-kenakan cukai eksais. Oleh yang demikian barang² ini tidak terlibat oleh pengumuman yang di-buat itu yang berkehendakkan barang² di-hantarkan terus dari pelabuhan² di-Malaysia Barat.

Pejabat Chawangan Kementerian saya di-Sarawak yang mengawasi harga barang² telah pun memberitahu ia-itu tidak ada kenaikan harga barang² semenjak 25hb Jun, 1972 yang boleh di-katakan akibat pengumuman mengenai penghantaran terus barang² Malaysia Barat melalui pelabuhan² di-Malaysia Barat.

SEKATAN TARIF OLEH KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C.)

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa Malaysia sedang menghadapi sekatan tarif yang melumpuhkan yang di-kenakan oleh Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.).

Tuan Mohamed Khir Johari: Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.), seperti negara² lain atau pun sa-kumpulan negara² yang telah membentok satu blok ekonomi yang

berasingan, mengenakan tarif ka-atas kebanyakan barang² impot sama ada dengan tujuan untuk melindungi perusahaan tempatan-nya sendiri atau pun untuk tujuan mendapatkan hasil atau pun kedua²-nya sekali. Kebanyakan daripada barang² eksepot terbesar Malaysia ka-Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) seperti getah asli, bijih timah dan kayu balak ada-lah di-benarkan di-impot tanpa bayaran chukai. Dan lagi baru² ini Kesatuan Ekonomi Eropah telah mengadakan satu sistem ia-itu Sistem Keutamaan Am (Generalised System of Preference) di-mana barang² perkilangan dan separoh perkilangan daripada negara² sedang membangun, termasuk Malaysia, telah di-beri sharat² keutamaan masok ka-Kesatuan tersebut dengan impot duty yang lebih rendah jika di-bandingkan dengan barang² yang sama yang di-impot daripada negara² yang telah membangun.

Dua daripada barang² eksepot Malaysia yang telah di-kenakan Tarif Luaran Biasa (Common External Tariff) Kesatuan Ekonomi Eropah yang terpenting ada-lah minyak kelapa sawit dan nenas di-dalam tin di-mana chukai impot yang di-kenakan buat masa sekarang ada-lah 6% dan 24%. Pada masa sekarang Malaysia bersama² dengan negara² ASEAN yang lain sedang berusaha untuk mendapatkan sharat² yang lebih baik dan berpatutan daripada Kesatuan Ekonomi Eropah bagi kemasokan kedua² hasil keluaran tersebut serta juga barang² eksepot lain yang terkemuka bagi negara² di-dalam kawasan ASEAN.

SELAT MELAKA— JAWATAN-KUASA MENGENKAI

15. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan ada-kah beliau sedar Selat Melaka hendak di-jadikan perayeran bebas antarabangsa seperti yang di-persetujukan oleh kedua negara Malaysia dan Indonesia baru² ini akan sedikit sa-banyak mengancham mata pencharian nelayan² di-Pantai Barat Malaysia Barat, jika sedar, apa-kah langkah² awal atau persiapan² awal yang di-buat terhadap pembelaan masa depan nelayan² itu.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Oleh sebab Selat Melaka ia-lah satu perayeran antarabangsa mengikut Undang²

Antara bangsa, Kerajaan telah pun menu-buhkan satu Jawatan-kuasa untuk mengkaji atas perkara² keselamatan pelayaran dan menchegeh kekotoran ayer dan sebagai-nya di-Selat itu. Tindakan telah juga di-ambil untuk mengadakan langkah² bagi pengekalan sumber ikan di-Selat itu dan dengan yang demikian menjamin mata pencharian nelayan² di-Pantai Barat Malaysia Barat.

PERSATUAN PELADANG DAN ANGKASA—DASAR²

16. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau sedar akan tuduhan² bahawa Persatuan Peladang telah menggunakan chara tipu-muslihat bagi mendapatkan ahli² yang sudah pun mendaftarkan diri dalam sharikat² kerjasama, dan sama ada beliau sedar bahawa dasar² Persatuan Peladang dan ANGKASA ada-lah sa-timbal, dan jika ya, apa-kah langkah² yang di-ambil bersama² dengan rakan sa-jawat-nya Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi menyelesaikan perkara ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tidak, hingga hari ini belum ada apa² tuduhan di-terima sa-chara resmi sama ada Persatuan Peladang telah menggunakan chara² tipu muslihat bagi mendapatkan ahli² yang sudah pun mendaftarkan diri dalam Sharikat² Kerjasama. Penubohan persatuan peladang ada-lah mengikut peratoran yang di-buat dalam Akta Persatuan Peladang 1967 di-mana chara-nya demokratik dengan tidak sa-siapa yang di-paksa menjadi ahli. Permohonan² untuk menjadi ahli ada-lah di-pertimbangkan oleh ahli lembaga pengarah yang di-lantek oleh peladang² sendiri. Segala chara² penerimaan ahli ada-lah di-kawal dengan rapi-nya oleh Pegawai Penyelia Persatuan Peladang. Chara untuk mendapatkan ahli yang luar biasa tidak dapat di-gunakan.

Ya, saya sedar buat masa ini dasar² Persatuan Peladang dan dasar² yang di-buat oleh ANGKASA kelihatan serupa dan kedua²-nya ada-lah bertujuan untuk menchapai matlamat² dasar ekonomi baru Kerajaan. Dasar yang di-buat oleh ANGKASA meliputi bidang² kemajuan ekonomi sebagai luas meliputi aktiviti² berbagai² jenis Sharikat² Kerjasama termasuk-lah sharikat² kerjasama di-luar bandar dan juga sharikat²

kerjasama di-dalam bandar. Manakala dasar yang di-jalankan oleh Persatuan Peladang pula hanya di-tumpukan kepada tujuan menambah pengeluaran, meninggikan pendapatan pertanian dan memperbaiki taraf-hidup petani² dengan chara memodenkan dan memperdagangkan sektor pertanian. Oleh itu aktiviti² yang di-jalankan oleh Persatuan Peladang tentu-lah berkaitan dengan tugas² perkembangan, keredit, pembekalan bahan² pertanian, pembajakan jentera, pengangkutan dan pemasaran hasil² pertanian. Perkhidmatan² ini ada-lah sangat² di-perlukan oleh peladang² untuk memodenkan pertanian mereka.

Sharikat² Kerjasama di-kawasan² luar-bandar ada juga yang menjalankan pemasaran padi khusus-nya mengilang dan juga memberi pinjaman kepada petani². Kedua² sharikat kerjasama dan persatuan peladang ada-lah menjadi pusat keredit tempatan atau ejen bagi pehak Bank Pertanian untuk mengeluarkan pinjaman kepada petani² mengikut sistem yang di-atorkan oleh Bank Pertanian.

Langkah² yang tegas sudah pun di-ambil oleh Kementerian saya dan juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menyelaraskan aktiviti² Persatuan Peladang dengan Sharikat Kerjasama. Kajian² telah pun di-buat oleh Jabatan Perdana Menteri untuk menchipta ko-ordinasi di-setiap peringkat dan mengelakkan duplikasi yang tidak di-ingini.

NELAYAN² PULAU PANGKOR—RAYUAN

17. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan sama ada beliau telah menerima rayuan yang di-buat oleh nelayan² Kampong Ikan, Pulau Pangkor menggesa supaya Kerajaan Malaysia berunding dengan Kerajaan Indonesia mengenai penentuan kawasan perikanan di-Selat Melaka bagi menjamin keselamatan dan mata pencharian mereka, dan jika ya, apa-kah tindakan² yang telah di-ambil terhadap rayuan tersebut.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kami sedar akan rayuan daripada nelayan² Pulau Pangkor supaya menggesa Kerajaan berunding dengan pehak Kerajaan Indonesia. Jawapan sa-penoh-nya telah di-beri

oleh YAB Timbalan Perdana Menteri seperti dalam jawapan kepada Pertanyaan No. 7 pada 8hb Ogos, 1972.

BUMIPUTRA DI-PUSAT² BANDAR—PERIMBANGAN PENIAGA²

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di-sa'at MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sibok mendirikan sa-deret dua gedong² perniagaan yang sederhana untuk di-sewakan dengan bayaran murah kepada kaum bumiputra, kalangan swasta lebeh sibok lagi mendirikan beratus² gedong dan berpuluh² kompleks perniagaan yang lebeh moden di-mana peniaga² bumiputra tidak akan upaya untuk menduduki-nya. Jika sedar, apa-kah langkah yang harus di-jalankan supaya menjamin perimbangan peniaga kaum bumiputra di-pusat² bandar.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Ya saya sedar. Untuk menjamin perimbangan peniaga² kaum bumiputra di-pusat² bandar MARA akan membena lebeh banyak lagi kedai² dan bazar. Tugas ini juga di-laksanakan oleh UDA, Pemas dan Perbadanan² Kemajuan Negeri.

KILANG KERTAS—MENUBOHKAN

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bagaimana-kah sambutan² yang telah di-berikan oleh Sharikat² Kerjasama dan orang² persa-orangan terhadap projek menubuhkan Kilang Kertas di-Malaysia dengan menyebutkan modal yang di-tanam oleh Sharikat itu dan orang² persa-orangan yang telah di-sumbangkan ka-dalam Kilang itu dan jumlah kutipan dari tiap² Negeri sa-takat ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Sambutan² daripada koperatif² dan orang² persa-orangan terhadap projek menubuhkan Kilang Kertas di-Malaysia amat-lah menggalakkan. Hingga 16.7.72 kesanggupan koperatif² dan orang² persa-orangan untuk

menyumbangkan modal ka-dalam Kilang ini ada-lah saperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Koperatif</i>	<i>Per-saorangan</i>
Selangor ...	\$2,094,000.00	—
Negeri Sembilan ...	166,005.00	\$23,300.00
Johor ...	414,000.00	19,500.00
Trengganu ...	89,500.00	35,500.00
Kelantan ...	265,300.00	23,710.00
Pulau Pinang ...	458,400.00	47,500.00
Pahang ...	434,000.00	27,800.00
Kedah (Daerah Sg. Patani) ...	57,000.00	2,800.00
Jumlah ...	\$3,978,205.00	\$180,110.00

BUMIPUTRA SARAWAK—PINJAMAN WANG MARA

20. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberi angka-pechahan mengikut kaum bagi bumiputra² di-Sarawak yang telah menerima wang pinjaman MARA sa-takat ini; jumlah pinjaman bagi tiap² kaum serta tujuan² tertentu pinjaman² itu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pinjaman kapada pechahan kaum Bumiputra yang diberi daripada mula (17-3-65) hingga sekarang (31-7-72) dan jumlah mengikut kaum.

<i>Kaum</i>	<i>Jumlah Projek</i>	<i>Jumlah Pinjaman</i>
Melayu, Melanau ...	368	\$1,600,000
Iban, Bidayoh, Punan	228	690,190
Jumlah ...	596	\$2,290,190

<i>Jenis/Tujuan Pinjaman</i>	<i>Jumlah Projek</i>	<i>Jumlah Pinjaman</i>
Perniagaan ...	486	\$1,226,930
Contract ...	10	49,000
Memproses barang mentah ...	4	12,500
Pengangkutan ...	80	584,160
Petrol/Service Station ...	7	80,000
Hotel ...	2	275,000
Pembinaan motor boat ...	7	22,600
Jumlah ...	596	\$2,290,190

TABIB² CHARA PERUBATAN INDIA—MENGIKTIRAF

21. Dr A. Soorian minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengiktiraf tabib² yang mengamalkan kaedah²

perubatan mengikut adat resam orang India (Kaedah² Ayurvedic Unani dan Siddha) sa-laras dengan pengiktirafan terhadap sinseh².

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kerajaan tidak akan mengiktiraf tabib² mengamalkan chara² perubatan India yang lama atau traditional. Dan Kerajaan tidak pun mengiktiraf sinseh². Sungguh pun demikian Kerajaan sedang mempertimbangkan langkah² tertentu dengan jalan pemberian lesen atau chara² lain untuk mengawal chara² perubatan atau pemulehan yang tidak mengikut chara² saintifik yang moden.

JURURAWAT PERGIGIAN DAYAK—MENEMPATKAN

22. Tuan Edwin Anak Tangkun minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa sa-orang jururawat kanan pergigian Dayak atau yang boleh berchakap bahasa Dayak tidak di-tempatkan di-Simanggang untuk menjaga seluroh Bahagian Kedua yang kebanyakan daripada penduduk-nya terdiri dari orang Dayak Laut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Sebab-nya ia-lah tidak ada chalun yang sesuai pada masa ini. Pada masa ini hanya ada sa-orang sahaja jururawat yang berkelayakan saperti itu, tetapi ia sedang berkhidmat di-Sibu. Bagaimana pun tindakan akan di-ambil untuk menempatkan sa-orang pegawai yang boleh berchakap bahasa Dayak dengan saberapa boleh. Mengikut Perangkaan daripada banchi tahun 1970, penduduk² orang Dayak Laut di:

Simanggang	Sibu	Miri
1,687	2,350	2,722

MALARIA DI-NEGRI SEMBILAN—MENGURANGKAN

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar yang kes² malaria telah bertambah di-Negri Sembilan, dan kes² baru maseh berlaku di-kawasan² pekan saperti Rahang di-Seremban, dan jika ya, apa tindakan yang beliau akan ambil untuk mengurangkan kejadian ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Menteri Kesihatan ada-lah sedar bahawa kes² malaria ada di-dapati berlaku di-Negri Sembilan dan kes² yang baru maseh lagi berlaku di-kawasan pekan di-sekeliling-nya yang baru sahaja

di-bangunkan. Tetapi kita mesti-lah ingat ia-itu Negri Sembilan sekarang ada-lah di-bawah sistem pengawalan malaria yang bertujuan untuk mengurangkan penyakit itu dengan sa-berapa yang boleh, tetapi ini tidak-lah berma'ana keseluruhan-nya. Oleh yang demikian akan terdapat laporan kejadian kes ini dari sa-tahun ka-satahun. Di-bawah sistem pengawalan ini kawasan bandar memakai sistem parit dan semboran minyak sa-bagai langkah kawalan, manakala di-kawasan luar bandar pula menggunakan semboran ubat serangga. Kerajaan ada-lah sedar akan kekurangan penggunaan perkhidmatan pengawalan seperti ini. Dengan sebab itu satu Rancangan Pembasmian Malaria di-lancarkan semenjak tahun 1967 di-Malaysia Barat. Rancangan ini di-jalankan berperingkat² daripada satu negeri ka-satu negeri, dan ia-nya tidak-lah di-laksanakan serentak di-seluruh negara. Negri Sembilan sa-bagai kawasan di-dalam peringkat yang ketujuh akan memulakan gerakan-nya pada awal tahun 1973 ini. Apabila rancangan ini di-laksanakan di-seluruh Negri Sembilan, Kementerian ini mempunyai keyakinan yang penoh ia-itu penyakit ini akan terkawal seperti negeri² lain yang sedang berada di-bawah rancangan ini. Sementara itu, Pejabat Perubatan dan Kesihatan Negri Sembilan ada mempunyai sa-pasokan "Flying Squad" yang mengawal berlaku-nya sebarang kejadian penyakit ini di-mana², termasuk-lah kawasan Rahang, dan pasokan ini sekarang sedang giat menjalankan tugas-nya. Kedudukan penyakit malaria di-Negri Sembilan telah meningkat sedikit bahu² ini kerana pembukaan beberapa rancangan tanah baru dan pembukaan rancangan perumahan di-kawasan bukit². Kementerian saya mengambil berat dalam perkara ini dan menggunakan "Flying Squad" untuk mengawal berlaku-nya sebarang tambahan penyakit ini di-mana² kawasan sa-hingga rancangan pembasmian malaria ini di-jalankan di-Negeri Sembilan dalam tahun 1973 kelak.

GURU² UGAMA MALAYSIA BARAT—PENYUSUNAN TANGGA-GAJI

24. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa guru² ugama rendah di-Malaysia Barat sekarang ini maseh dalam tangga-gaji lama yang tidak sa-rupa di-antara satu negeri dengan yang lain; jika

sedar, apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kementerian-nya bagi menyusun sa-mula tangga-gaji ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Ya, saya sedar. Tetapi untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat perkara² berkaitan dengan guru² ugama di-sekolah rendah, termasuk tangga gaji mereka, ada-lah di-bawah tanggong-jawab Kerajaan Negeri masing².

M.C.E.—MENEMPATKAN MURID² GAGAL BAHASA MALAYSIA

25. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah chalun² M.C.E. tahun 1971 yang gagal mendapatkan sijil kerana gagal dalam Bahasa Malaysia dan jumlah yang telah di-beri tempat² di-Tingkatan Lima untuk mengulangi peperiksaan tersebut; dan
- (ii) jumlah yang tidak di-beri peluang untuk mengulangi peperiksaan tersebut.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (i) Bilangan murid² yang gagal dalam peperiksaan M.C.E. kerana gagal dalam Bahasa Malaysia ia-lah 6,597. Bilangan yang telah di-beri tempat untuk mengulangi dalam darjah dan peperiksaan ia-lah 2,542.
- (ii) Tidak ada halangan bagi mereka yang gagal mengulangi peperiksaan tersebut sebagai chalun persendirian.

LATEHAN GURU² SEKOLAH CHINA—MENGENDORKAN SHARAT

26. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengendorkan syarat² latehan guru² untuk 2,000 guru² sementara sekolah² China dengan:

- (a) mengenepikan syarat yang berkehendakkan guru² pelateh mesti mempunyai sa-kurang²nya dua tahun pengalaman mengajar;
- (b) mengenepikan syarat yang berkehendakkan umur chalun² supaya tidak lebih dari 30 tahun kechuali mereka yang mempunyai lima tahun pengalaman mengajar;

- (c) mengendorkan syarat untuk pelateh² supaya mempunyai kepujian di-dalam Bahasa China Tinggi di-peringkat M.C.E. untuk melayakkan mereka di-pileh, dan meminda-nya kepada pelateh² mendapat Bahasa China Tinggi sa-masa menjalankan latehan mereka; dan
- (d) mengeneipkan syarat² yang berkehendakkan guru² pelateh mempunyai kepujian di-dalam Bahasa Malaysia II di-peringkat M.C.E.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dukachita saya tidak dapat mempertimbangkan perkara ini kerana syarat² yang ada sekarang ada-lah syarat² yang telah di-kendurkan dari syarat² yang asal.

RANCHANGAN BAHASA INDIA DI-TALIVISHEN—MEMBANYAKKAN

27. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar akan rasa tidak puas hati di-kalangan orang² India Malaysia terhadap ranchangan² Bahasa India di-Talivishen Malaysia; apa-kah langkah² yang sedang di-ambil untuk membanyakkan lagi masa siaran Bahasa India di-Talivishen Malaysia.

Menteri Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Kementerian Penerangan tidak sedar bahawa ada-nya tidak puas hati di-kalangan orang² India Malaysia terhadap ranchangan² Bahasa India di-TV Malaysia, sungguhpun Kementerian telah menerima beberapa sungutan dari orang² keturunan India untuk menambahkan lagi masa siaran bahasa India di-TV Malaysia. Mengenai perkara ini saya telah pun menerangkan kepada Dewan Ra'ayat pada 19-5-1972 bahawa "Kementerian Penerangan tidak merangkakan ranchangan²-nya mengikut bangsa tetapi ranchangan-nya berchorak Malaysia dan berdasarkan Rukunegara". Kedudukan ini tidak berubah.

MAJLIS² TEMPATAN—MENTADBIRKAN

28. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau telah di-rundingi sa-belum pengumuman bersama di-buat oleh Menteri Tugas² Khas,

Dr Lim Keng Yaik, dan Menteri Besar, Perak, pada 22hb Mei, 1972, yang pehak² berkuasa telah mengambil keputusan membuang sa-tengah² wakil majlis tempatan yang di-pileh dari jawatan mereka.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Kerajaan² Negeri telah di-nasihatkan tentang langkah² yang perlu di-ambil supaya Majlis² Tempatan boleh di-tadbirkan dengan lebeh berkesan melalui proses mengstruktur semula seperti yang telah di-putuskan di-meshuarat Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan yang terakhir. Menteri Besar atau pun Menteri Tugas² Khas, Dr Lim Keng Yaik tidak-lah perlu merundingi saya mengenai perlaksanaan dasar yang telah pun di-tetapkan oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan itu.

JANGGUS/GAJUS—PENANAMAN DI-PANTAI TIMOR

29. Dr A. Soorian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan ada-kah benar bahawa FIMA sedang menimbang menanam janggus/gajus di-Pantai Timor Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Ya.

RAMBUT PANJANG BAGI PENUNTUT²—MENGHARAMKAN

30. Tuan Joseph Unting bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau berchadang hendak mengharamkan penuntut² lelaki di-sekolah² menengah dan di-universiti² daripada menyimpan rambut panjang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya sendiri belum berchadang berbuat demikian. Walau pun begitu Kementerian saya telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling yang bertarikh 10hb Mach, 1972, yang menentukan potongan rambut bagi penuntut² sekolah. Bagi penuntut di-universiti², perkara ini terpulang-lah kepada pehak yang berkuasa universiti masing² untuk menentukan-nya.

UNIVERSITI DI-SABAH—CHADANGAN MENUBOHKAN

31. Tuan Joseph Unting bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan Persekutuan berchadang hendak menubohkan sa-buah universiti di-Sabah, dan jika ya, bila.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Belum ada rancangan lagi.

UNIVERSITI SAINS— PENUKARAN NAMA

32. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar yang kebanyakan penduduk² Pulau Pinang tidak suka penukaran nama universiti dari "Universiti Pulau Pinang" ka—"Universiti Sains" dan samada beliau akan menyatakan sebab²-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar. Soal penukaran nama itu tidak timbul kerana Universiti ini tidak pernah di-beri nama 'Universiti Pulau Pinang'.

Bagi ma'aluman Ahli Yang Berhormat di-dalam Perintah Perbadanan Universiti ini seperti terdapat di-dalam P.U. (A) 383 bertarikh 4hb. Oktober 1971, perenggan 2 (6) Perintah tersebut menyebutkan bahawa Yayasan pelajaran tinggi yang tersebut hendak-lah buat sementara di-kenali dengan nama dan gelaran "Universiti di-Pulau Pinang".

Nama Universiti Sains yang di-beri kapada Universiti di-Pulau Pinang ini ia-lah untuk mencherminikan tujuan asas Universiti itu yang menitekberatkan Sains dan Teknoloji.

UNIVERSITI SAINS— PERUNTOKAN LEBEH

33. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ia-itu terdapat rasa tidak puas hati dan rasa dukachita di-kalangan kakitangan dan penuntut² Universiti Sains di-Pulau Pinang di-atas peruntukan wang kapada Universiti tersebut kerana meraka rasa yang Universiti tersebut di-anggap sa-bagai anak tiri di-dalam peruntukan kewangan oleh Kementerian-nya jika di-bandingkan dengan peruntukan yang besar yang di-terima oleh Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, dan sama ada Kementerian-nya akan memberi peruntukan yang lebih kapada Universiti tersebut untuk kemajuan yang betul sa-bagai pusat pengajian tinggi.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak, saya tidak sedar.

SEKOLAH PERUBATAN CHINA—MENUBOHKAN

34. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang dengan baik penubohan sa-buah Sekolah Perubatan China di-Malaysia, atau bekerjasama untuk menubuhkan sa-buah Sekolah Perubatan China ASEAN, memandangkan pengakuan antara-bangsa mengenai kemajuan Perubatan Sains China, dan Sekolah Perubatan seperti ini dapat membuat kajian mengahwinkan perubatan sains China dengan perubatan Barat.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kerajaan tidak berniat menubuhkan sa-buah Sekolah Perubatan China di-Malaysia. Di-atas pembentokan sa-buah Sekolah Perubatan ASEAN, Kerajaan akan mengkaji dalam memberi bantuan jika dan apabila sekolah tersebut terbentok kelak.

PENUNTUT² SARAWAK DI-I.T.M.

35. Tuan Jonathon Narwin Anak Jinggong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan penuntut² Sarawak yang sedang belajar di-Institusi Teknologi MARA dan berapa dari mereka yang terdiri daripada bukan bumiputra, orang Melayu dan lain² bumiputra.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Jumlah penuntut² dari Sarawak hingga 1hb. Ogos, 1972 ia-lah seramai 200 orang. Di-antara 200 orang itu terdapat 109 orang Melayu, 35 orang Iban, 25 orang Dayak, 16 orang Melanau, 6 orang Kelabit, 5 orang Kayan, saorang Javanese, saorang Bisaya, saorang Kadazan dan saorang Murut.

NADASAN a/k KANNAN—KEMATIAN- NYA MELIBATKAN 3 MATA²

36. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian ini terhadap tiga (3) orang mata-mata di-Sitiawan kerana menyebabkan kematian kapada Nadasan a/k Kannan dalam bulan Disember 1970 apabila dia di-bawa oleh Polis ka-Balai Polis dan di-pukul oleh P.C. No. 104 dan 564 dan O.C.C.I. yang bertugas dan mengapa Kerajaan menda'awa sa-orang mata² sahaja yang telah di-rawat

kerana sakit otak di-Hospital Otak Tanjong Rambutan, Perak, sa-bagai bertanggung-jawab atas kematian Nadasan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah di-hadapkan ka-Mahkamah Tinggi mengikut penyiasatan awal yang di-jalankan oleh Mahkamah Rendah. Oleh yang demikian pertanyaan itu tidak-lah boleh saya menjawab-nya mengikut peratoran 23 (1) (g) di-bawah Peratoran² Majlis Meshuarat Dewan Ra'ayat.

SISTEM PENDAFTARAN PENGUNDI²

37. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan dengan tepat-nya samada chadangan untuk mengadakan sistem pendaftaran pengundi² sa-panjang tahun dapat di-mulakan pada tahun hadapan, dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Sistem pendaftaran pengundi² terus menerus dapat di-mulakan pada tahun hadapan.

JUMA'AT DI-JADIKAN CHUTI MINGGUAN

38. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menetapkan supaya hari Juma'at menjadi hari chuti mingguan memandangkan bahawa hari Juma'at ia-lah hari besar dalam sa-minggu di-sisi Ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara kita.

Perdana Menteri: Kerajaan sa-benar-nya telah pun mengkaji chadangan ini dan berpendapat bahawa hari² chuti mingguan bagi negeri² di-Malaysia yang ada sekarang patut-lah di-teruskan.

BANDAR DUNGUN—KEMUSNAHAN PUKULAN OMBAK

39. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Bandar Dungun sedang menuju ka-arah kemusnahan disebabkan oleh pukulan ombak dari Laut China sa-tiap waktu, khas-nya di-musim tengkujuh, jika sedar, nyatakan sama ada Kerajaan berchadang memberi bantuan segera supaya suatu tambun batu yang kuat dapat di-bena untuk memelihara pantai dan menyelamatkan bandar itu.

Perdana Menteri: Perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan di-ambil ingatan. Pemereksaan akan di-jalankan dan jika perlu anggaran perbelanjaan akan di-kemukakan untuk mendapatkan wang bagi melaksanakan projek tersebut.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERIKANAN (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang". (10hb Ogos, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, tegoran dan juga yang lain² berhubong dengan Rang Undang² Perikanan (Pindaan) saperti yang telah saya majukan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari soal² yang di-kemukakan berhubong dengan keselamatan nelayan² di-perayeran antara-bangsa, terutama sa-kali berdekatan dengan Pulau Jerak telah pun di-jawab oleh yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri kepada pertanyaan² yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa soal jawab pada 8hb dan 10hb yang lalu. Oleh itu jawapan yang lanjut tidak-lah perlu dan mustahak lagi di-berikan.

Bagaimana pun keseluruhan yang berlaku di-atas pukut tunda dan pergadohan yang terjadi sa-umpama di-Pantai Remis pada tahun yang lalu ada-lah menunjukkan bot² dan tuan² punya pukut tunda ini boleh di-katakan tamak dan juga melanggar peratoran yang di-tetapkan oleh Jabatan Perikanan; yang tidak boleh menangkap ikan tiga batu dari pantai. Sa-lain daripada itu mereka juga telah mencheroboh perayeran antarabangsa dan nasehat serta tegoran yang telah di-berikan beberapa kali, tetapi nampak-nya mereka lebeh mengutamakan wang dan

sanggup melanggar peratoran yang telah ditentukan, maka itu ada-lah menjadi tanggung-jawab mereka sendiri di-atas kesan² dari apa yang mereka lakukan. Sa-bagai chontoh, bagaimana bot² pukut tunda ini yang telah melanggar peratoran, saya suka nyatakan di-sini, dalam tahun 1967 hingga bulan Jun tahun ini, sa-banyak 759 kes telah berlaku dan wang denda yang telah di-kenakan berjumlah sa-banyak \$168,630 dan di-antaranya 136 buah bot telah di-rampas. Bagitu juga tahun 1971 dan 1972, sa-hingga bulan Jun ini compound telah di-kenakan kepada 219 buah bot pukut tunda yang melanggar Undang² dan wang denda telah di-dapati lebeh daripada \$60,000.

Kapada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bungsar yang telah menyebutkan soalan² yang berlaku di-tengah lautan antarabangsa dan saya nampak Ahli Yang Berhormat ini tidak ada pengalaman dalam lautan kerana mereka ada-lah orang darat. Saya suka menasehatkan Ahli Yang Berhormat ini, satu hari belayar 20 batu ka-tengah laut dan di-situ nanti dapat melihat dengan sendiri bagaimana kesukaran yang di-hadapi oleh anggota² Pasokan Keselamatan kita dalam menjalankan tugas.

Apakala mereka belayar 20 batu ka-tengah lautan, sudah tidak nampak tepian lagi, pada masa itu mereka dapat tahu bagaimana kesukaran ini dan saya suka menyatakan di-sini saya sendiri sudah belayar menyeberang Selat Melaka dengan perahu ikan yang 20 kaki sahaja panjang-nya dengan tujuan dan maksud untuk menchari pengalaman dalam soal nelayan menangkap ikan dan juga yang lain² lagi dan saya dapati keadaan ini adalah terlalu sukar bagi sa-saorang atau pun sa-suatu bot pehak Pasokan Keselamatan kita hendak mengawasi lebeh daripada 15,000 buah bot² ini yang ada di-Selat Melaka.

Berhubung dengan soalan yang di-bangkitkan oleh Ahli yang Berhormat itu juga, untuk membuat latehan dan menchari pengalaman berkenaan dengan perusahaan perikanan antarabangsa, pehak Lembaga Kemajuan Ikan sedang membuat pertimbangan berkenaan dengan ini, ia-itu bagi menjalankan perusahaan bersama dengan pehak² yang tertentu berhubung dengan perusahaan menangkap ikan di-tengah laut.

Berkenaan dengan latehan dan kemudahan persekolahan perikanan pada masa yang

sudah², chuma ada dua buah sekolah dan mula² daripada tahun ini Instituti Perikanan telah pun di-tubuhkan. Latehan di-Institusi Perikanan telah pun di-jalankan bagi anak² nelayan sa-ramai 50 orang dan kita berharap akan dapat menambah pelateh² ini kepada 100 orang mula² daripada tahun hadapan. Pertimbangan untuk menambah kemudahan ini akan di-kaji dari satu masa ka-satu masa. Pehak Lembaga Kemajuan Ikan telah pun di-tubuhkan dan pada masa ini sedang merangka untuk menjalankan dua ranchangan dan kepada Ahli² Yang Berhormat dari Besut, Kuala Selangor, Seberang Utara, Perlis Selatan, Tumpat dan Santubong, suka-lah saya menyatakan ia-itu pertama sa-kali berkenaan dengan pembenaan bot dan bot ini ada-lah di-jual sa-chara ansoran kepada nelayan² kita dan pada masa ini 10 buah bot sedang di-bena di-Trengganu.

Langkah yang kedua pehak Lembaga Kemajuan Ikan ini ia-lah menjalankan perusahaan perikanan menangkap ikan sendiri dengan chara menyewa bot² yang ada dalam negeri ini dan di-dalam ranchangan ini nelayan² tempatan akan di-ambil bekerja. Ranchangan simpanan juga di-adakan ia-itu tiap² pekerja di-dalam bot ini hendak-lah menyimpan wang sa-banyak yang di-tetapkan oleh Lembaga dan manakala sampai waktu-nya dengan simpanan nelayan² yang berada di-dalam ranchangan ini dapat mereka berkongsi dan membeli bot mereka sendiri.

Ada-lah menjadi dasar Kementerian untuk menggalakkan sa-bilangan besar daripada nelayan² untuk masok ka-dalam ranchangan tanah, di-dalam negeri ini terutama dalam Malaysia Barat. Lebeh kurang 70 ribu nelayan dan di-harap sebahagian daripadanya akan dapat di-bawa masok ka-dalam ranchangan² tanah dan ini akan mengurangkan bilangan nelayan². Dengan kurang-nya bilangan nelayan ini lebeh senang-lah Kerajaan atau Kementerian ini mengator bantuan² dan membaiki keadaan hidup mereka.

Undang² Perikanan akan di-lanjutkan ka-Sarawak dan manakala Undang² ini di-lanjutkan dapat-lah pehak Jabatan Perikanan mengambil tindakan yang sewajar-nya.

Berkenaan dengan hal ini Yang Berhormat Menteri telah pun bersetuju supaya lesen² pukut tunda di-Pantai Timor Malaysia Barat

akan di-keluarkan untuk sa-tahun, ini termasuk juga penangkapan udang seperti yang telah di-beri pandangan oleh Yang Berhormat dari Tumpat semalam. Tetapi pemegang² ini mesti-lah menjalankan perusahaan di-luar daripada kawasan 3 batu daripada tepi pantai. Pertimbangan akan di-beri pada musim tengkujuh sa-lama lebeh kurang empat bulan pemegang² lesen ini boleh menjalankan perusahaan-nya terus di-tepi pantai.

Berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh saya berasa dukachita yang beliau tidak dapat menyokong Undang² ini dengan sebab kata-nya dengan ada-nya Undang² ini akan mendatangkan kesusahan kepada nelayan² dan tindakan keras akan di-ambil ka-atas nelayan² itu. Ahli ini yang tinggal di-bandar dan tidak mengetahui masalah di-pantai sudah tentu-lah tidak dapat menyelami kemahuan dan juga penderitaan nelayan² di-tepi pantai. Dengan ada-nya Undang² ini kawalan² yang tertentu akan dapat di-buat terhadap perusahaan perikanan dan ini akan menentukan chara² kawalan kawasan dan lain² terhadap perusahaan perikanan dan akan memberi keadilan kepada keseluruhan nelayan² sama ada nelayan² pantai mahu pun nelayan² di-lautan tengah. Yang dapat kesusahan sa-umpama ini mungkin-lah nelayan² yang suka mencheroboh, tamak dan membuat kesalahan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² MEMINDA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan Rang Undang² Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang² ini ada-lah untuk meminda sa-bahagian sekshen-kechil (1) sekshen 5 akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 berhubung dengan keanggotaan Lembaga tersebut sa-bagaimana di-nyatakan dalam Fasal 2 (a), (b) dan (c) Rang Undang² ini.

Fasal 2 (a) Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan nama jawatan baru ia-itu "Ketua Pengarah Parit dan Taliayer" bagi menggantikan nama jawatan "Pengarah Parit dan Taliayer" seperti yang terdapat di-perenggan (c) sekshen-kechil (1) sekshen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972. Pindaan ini ada-lah perlu berikutan dengan penukaran nama jawatan Pengarah Parit dan Taliayer kepada Ketua Pengarah Parit dan Taliayer.

Fasal 2 (b) Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan sa-orang Ahli Lembaga Padi dan Beras Negara sa-bagai sa-orang Ahli Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara ada-lah di-tugaskan mengenai polisi untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, memastikan bekalan beras yang cukup dan memastikan harga padi dan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi petani² serta melakukan segala perkara yang berkaitan dengan tujuan² tersebut. Oleh kerana itu, amat-lah penting bagi Lembaga Padi dan Beras Negara mempunyai perwakilan-nya sa-bagai ahli dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan dengan itu terdapat penyelarasan dan nasehat tentang pengeluaran, pemasaran, perkilangan dan lain² proses padi dan beras.

Fasal 2 (c) Rang Undang² ini ada-lah pindaan berikutan kepada Fasal 2 (b) ia-itu menomborkan sa-mula perenggan² (f) dan (g) sekshen-kechil (1) sekshen 5 Akta ini masing² sa-bagai perenggan (g) dan (h).

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, this Bill seeks to amend the Muda Agricultural Development Authority Act, 1972 to include a representative of the Lembaga Padi dan Beras Negara as a member of the Muda Agricultural Development Authority.

Malaysia has transformed herself from a rice-deficit country into a near rice self-sufficient country. For this feat, the Government has never ceased to boast of its achievement. However, though it is an impressive technical achievement for a rice-deficit country to produce nearly all its rice requirements at home, it is an open question as to whether it is economically worthwhile.

We have heard Ministers stating that a rice self-sufficiency programme will save Malaysia in foreign exchange required for importing rice. There has, however, been little systematic attempt on the part of the Government and the economic planners to estimate the real costs and benefits of a national self-sufficiency programme in rice production in Malaysia. It is dubious whether Malaysia will save in foreign exchange from such a self-sufficiency programme. There may be a net gain or a net loss of foreign exchange depending on the economic efficiency of the programme. Thus, if the resources now used in the self-sufficiency programme would have earned a greater amount of foreign exchange in export production of other commodities than the foreign exchange bill they have saved on rice, then the rice self-sufficiency programme has resulted in a net loss of foreign exchange. My view is that, on the whole, Malaysian rice self-sufficiency programme has resulted in a net loss of foreign exchange, and not a saving.

I know that there may be non-economic reasons for wanting to be self-sufficient or nearly self-sufficient in rice. However, we should not delude ourselves that we are saving foreign exchange by this programme. Even more important, we should know the actual costs of such a programme. In fact, it is the conclusion of a recent study by the Asian Development Bank that Malaysia appeared to be going against the grain of her most advantageous pattern of economic

development by trying to achieve self-sufficiency in rice as the scarce capital, technical and managerial resources she has diverted into production may well be missing highly productive opportunities in other uses. If it is the national rice policy of the Government to be self-sufficient, not for economic reasons but other considerations, the padi farmers must not be made victims and condemned to low incomes and low standards of living.

New agricultural technology today offers not only the physical possibility of self-sufficiency but also the economic opportunity of lowering the cost of production of rice and other agricultural products. Malaysia, however, seems to have concentrated solely on the former to the utter neglect of the latter. While we appreciate the need to give protection and subsidies to our domestic rice producers, the Government should not make the great mistake of total concentration in rice self-sufficiency in utter disregard of lowering costs of rice production. Now agricultural technology, or what is now popularly termed as the "Green Revolution", permits very high physical yields per acre. However, they require very high overhead costs such as massive irrigation complexes like the Muda Irrigation Works of which this Authority is in charge.

To economically justify such high capital costs, and to increase the incomes of the padi farmers, it is clear that there should be a more intensive use of land and crop diversification, such as the development not merely of double-cropping, but multiple cropping of a diversified range of crops and products. If this is carried out, we will achieve, on the one hand, the reduction in the cost of production of rice, and, on the other hand, the increase in the incomes of the farmers through the development of multiple cropping on their land of padi and other crops. This will not only benefit the padi farmers themselves, but also the consumers, who will be able to get cheaper rice, from the reduced cost of rice production.

Rice forms the major part of the budget of Malaysians. A reduction in the price of rice is therefore equivalent to a substantial enlargement of their purchasing power for other produce, such as manufactured goods and other agricultural products, especially meat, vegetables and dairy products. In

addition to rice, they will need vast quantities of protein food in order to be adequately fed. This can create a large expansion in the market for the farmers again. A cheap food policy will also lead to a healthier working population with higher labour productivity and, together with lower labour cost based on a cheaper cost of living, give Malaysia a more competitive advantage whether in expanding the exports of primary products or in the expansion of labour-intensive type of manufactured exports. The DAP therefore calls on the Government to formulate and implement a policy whereby padi farmers will be able to increase their income through multiple cropping of diversified products on their land, and which will lead to the lowering in the cost of production for rice, enabling cheaper rice and lower cost of living in the country.

The Government is spending hundreds of millions of dollars on the Muda Irrigation Project and others in order to increase the incomes from this sector. There are sufficient indications to show, however, that the massive infusion of public funds and capital into the rice-growing sector has widened rather than narrowed the gap between, on the one hand, the bigger and the smaller farmers; and, on the other, also between the absentee landlords and the tenant-cultivators. It is clearly against the national interest and the declared objective of the Second Malaysia Plan to eliminate poverty that the increases in rice productivity and incomes resulting from massive public expenditure should accrue to absentee landlords and the bigger farmers to the detriment of the smaller farmers and tenant-cultivators. There is a very strong case for basic structural changes in our agrarian economy and basic land reforms if the increased incomes from higher productivities are not to enrich the wealthy landlords, but to uplift the downtrodden poor in the padi fields.

The 1960 Census of Agriculture undertaken by the Ministry of Agriculture and Co-operatives found that 78% of the padi farms in West Malaysia were less than five acres in size, and more than 50% of them less than three acres. Further fragmentation into smaller and more uneconomical lots, varying from quarter acre to two acres, must have proceeded apace since then, since poverty and indebtedness breeds further poverty and greater indebtedness. In fact,

because of subdivision and fragmentation, farm size especially those of the rice sector gets smaller and smaller rather than bigger and more economic over time.

Apart from the uneconomic size of rice farms, the root problems of poverty of padi farmers is absentee landlordism, or the non-ownership of the land cultivated by the farmers. Looking at the Census of Agriculture of 1960, it is revealed that for Western Malaysia for all farms, 78% are owner-cultivated. However, only 20% of all such farms in Western Malaysia were found in the rice sector. Of all the rented farms in Western Malaysia, 93% were in the rice sector. I am sure that if the Ministry of Agriculture should update its Agricultural Census, it would have found that since 1960, a high percentage of the owner-operators had been dispossessed of their land having been forced to surrender them because of poverty. It is vital that if the benefits which the Government expenditures in agriculture are to help the farmers, in the padi sector, basic land reforms should be carried out. I call on the Government to abolish landlordism in the rice farming sector. Landlords should be allowed to retain maximum acreage for self-cultivation, the size to be determined after survey of the size of operational holdings. The Government should buy up the rest of the padi farms, pay compensation to the absentee landlords, and resell them to the present tenant-cultivators, who can pay back the Government in 10, 15, or 20 years. The abolition of padi landlords will release the padi farmers from exploitation and give them a stake to put more effort into their farms to achieve higher productivity and incomes. The ground will then be set for the organisation of the owner-cultivators to co-operate in their farming activities and make use of the new agricultural technology, not only to increase productivity, but also to cut the cost of production.

Before I conclude, I would urge the Minister of Agriculture to immediately commission a new Census of Agriculture. It is an indication of the lop-sided sense of priorities of the Government that it should allow more than a decade to pass without an agricultural census to be taken to ascertain the livelihood and conditions of living of Malaysian farmers, who comprise the majority of the people in Malaysia. It is

necessary to have the latest figures about Malaysian agricultural life and conditions before economic planners and Government leaders can choose alternative policies and programmes. Thank you.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap sa-patah dua di-dalam Rang Undang² yang bernama Meminda Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 yang sedang di-bentangkan di-hadapan Dewan ini pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersependapat dengan Menteri yang berkenaan yang bahawa Rang Undang² itu bagi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini tidak lengkap. Oleh itu, maka satu pindaan di-kemukakan pada hari ini untuk di-lengkapkan. Saya turut menyokong Rang Undang² ini di-atas memasukkan di-dalam keanggotaan badan ini sa-orang wakil daripada Lembaga Padi dan Beras dan saya percaya dengan adanya wakil daripada Lembaga Padi dan Beras tujuan dan maksud² Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini di-adakan untuk memberi atau pun untuk meninggikan taraf hidup petani² yang ada di-dalam kawasan Rancangan Muda dapat di-perbaiki, tetapi yang menjadi masalah kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini ada-kah dengan penambahan anggota ini akan dapat melengkap atau pun satu pindaan pula akan di-bawa ka-mari ka-dalam Dewan ini untuk di-lengkapkan? Tuan Yang di-Pertua, kita tahu nama badan atau pun lembaga ini Lembaga Kemajuan Pertanian Muda tetapi yang aneh-nya, di-dalam keanggotaan lembaga ini tidak pun ada pehak pertanian mewakili di-dalam lembaga ini. Sa-kurang²-nya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Jabatan Pertanian ada-lah satu jabatan yang amat-lah rapat dan yang amat-lah berdamping dekat dengan petani², maka sa-kurang²-nya Ketua Pengarah Pertanian Negeri atau pun Pusat mesti ada dalam lembaga itu atau wakil-nya. Saya percaya dan saya mengerti yang bahawa walau pun tidak ada tetapi pehak yang berkenaan boleh co-operate tetapi dalam segi legal, Tuan Yang di-Pertua, maka saya fikir tidak-lah begitu berat dan tidak-lah begitu efektif. Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa yang ikhlas untuk kepentingan petani² khas-nya dalam kawasan Muda saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya meminda Rang Undang²

ini memasukkan satu clause lagi di-dalam-nya itu dengan Ketua Pengarah Pertanian atau wakil-nya ada dalam itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya bandingkan Akta Ibu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda tahun 1972 dengan Akta Lembaga Kemajuan Kemubu Kelantan, maka saya dapati badan-nya, bentuk-nya dan tujuan-nya ada-lah sama tetapi keanggotaan. Kita dapati keanggotaan di-dalam Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini chuma satu wakil yang mewakili Negeri Kedah di-dalam badan ini, sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 3 wakil daripada Kerajaan Negeri dalam badan ini dan sa-imbang-lah oleh kerana wakil Kerajaan Pusat di-dalam Lembaga Kemajuan 3, maka wakil Kerajaan Negeri 3 tetapi yang aneh-nya, Tuan Yang di-Pertua, wakil Kerajaan Pusat di-Lembaga Kemajuan Muda ini 4 tetapi wakil negeri sa-orang. Maka saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan supaya sa-kurang²-nya untuk menyelaraskan imbalan di-antara Negeri dengan Kerajaan Pusat oleh kerana Muda ini ada-lah sher di-antara Negeri Kedah dengan Negeri Perlis, maka sekarang ini Perlis mewakili sa-orang dan Kedah sa-orang, maka Kedah bagi 2, Perlis bagi 2—jadi 4. Maka selaras-lah dengan imbalan wakil² daripada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lagi ia-lah tujuan di-adakan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini ia-lah untuk meninggikan taraf hidup petani² dalam kawasan Muda, itu matlamat-nya. Tetapi dengan ujud-nya perkara yang berlaku di-sa'at² ini, khas-nya benda yang tersiar dalam surat khabar *Berita Harian* hari ini yang bahasa kalau ta' silap saya Persatuan Peladang di-sabelah Butterworth atau pun Bagan meminta kepada Lembaga Padi Negara (LPN) supaya menchegeh padi daripada Negeri Kedah atau pun Kawasan Muda jangan masok ka-Saberang Prai, Pulau Pinang. Sa-olah² saya fikir jadi sa-macam ta'un sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Padi yang ada di-dalam Kawasan Muda sekarang ini sudah menjadi ta'un menjangkit kepada padi² yang ada di-Saberang Prai, Pulau Pinang, dan ini, boleh juga kita mengatakan ta'un oleh kerana harga-nya. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tahu dan saya ada siaran di-hadapan saya ini yang bahawa pehak LPN menurunkan harga padi daripada \$16 kepada \$14

terima di-pintu kilang yang lain daripada Mahsuri dan padi yang baik. Ini, Tuan Yang di-Pertua, melihatkan kejatohan harga padi pada masa ini, maka saya ingin menarek perhatian Kerajaan bahawa tujuan kita mengadakan Lembaga Pertanian Muda ialah untuk menambah hasil ra'ayat yang dinamakan petani² bukan-lah untuk tujuan membanyakkan beras dan padi sampai kapada mengorbankan petani. Kita korbankan petani², Tuan Yang di-Pertua, dengan menyuruh mereka sentiasa bermandi peloh dan berendam kaki dengan tidak ada satu masa untuk berehat sedangkan Kerajaan tidak upaya menghadkan harga padi sebagaimana yang telah di-lakukan pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu yang Kerajaan sekarang ini tidak lagi mahu membeli padi² untuk di-simpan dalam stock-pile Kerajaan, malahan simpanan yang ada sekarang ini pun telah di-edarkan di-dalam pasaran dan ini menyebabkan harga padi dan beras jatuh sekarang ini.

Dahulu, Tuan Yang di-Pertua, simpanan Kerajaan telah pun di-edarkan dan apabila simpanan Kerajaan di-edarkan dan buah padi yang ada di-ladang yang sedang di-tuai, maka dengan itu saya memikirkan dan saya dapat faham harga padi jatuh sekarang ini. Boleh jadi Kerajaan mengambil langkah ini untuk mengelakkan kemasokan beras daripada Siam, untuk mengelakkan daripada kejadian penyeludupan, maka di-edarkan supaya harga beras murah dan tidak-lah penyeludupan itu di-jalankan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh lupa dasar Kerajaan mengenai Dasar Ekonomi Bahru-nya yang bertujuan untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat dan tentu-lah termasuk mewujudkan satu taraf hidup yang tinggi bagi petani². Bagaimana-kah taraf hidup petani² dalam Ranchangan Perayeran Muda dan juga Kemubu akan tinggi, kalau keadaan saperti sekarang ini akan berlaku terus menerus.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ujud-nya pada masa sekarang ini, telah di-hetong, di-kira dan di-hisab maka petani² yang penanam padi dua kali sa-tahun itu, pada kali kedua-nya tidak lebeh daripada \$30 hasil bersehh pendapatan yang di-dapati pada tiap² satu sa-ekar atau satu relong bagi negeri Kedah. Maka kalau kita fikirkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang petani dia

ta' boleh buat lebeh daripada 7 relong, atau 10 relong, atau pun 7 ekar. Jika pada kali pertama 7 ekar dia dapat \$700 bersehh, Tuan Yang di-Pertua, satu relong dia dapat \$100. Jika kali kedua dia dapat \$30 satu relong, maka baharu \$1,000 sa-orang petani mendapat hasil bersehh sa-tahun. Maka dari segi ini, kita fikir ada-kah kita mahu Kerajaan, atau pun kita mengabaikan kehidupan petani² dengan kita menyuruh mereka bekerja kuat, tetapi pendapatan mereka adalah kechil. Pada pendapat saya, Kerajaan mesti-lah mengambil padi² dengan menerusi ejen² Kerajaan sendiri untuk di-simpan di-dalam simpanan Kerajaan supaya dapat Kerajaan mengedarkan beras² untuk keperluan di-dalam negeri, dan menjual beras² ini ka-negara² yang berjiran sa-kurang²-nya ka-Indonesia. Kita tahu Indonesia sekarang ini maseh memerlukan kapada beras². Maka dengan tujuan ini dapat-lah kita memelihara kepentingan petani² dan dapat pula kita mengeratkan persahabatan dan pertalian kita dengan Indonesia.

Saya tahu dengan ujud-nya kita membeli harga padi yang mahal, Kerajaan akan menanggung kerugian. Tetapi apa-kah salah-nya Kerajaan menanggung sedikit kerugian demi untuk kepentingan 50,000 orang petani² di-kawasan Perayeran Muda dan demi untuk mengeratkan perhubungan antara kita dan jiran kita. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kapada Kerajaan sekarang ini supaya bertindak dengan tegas dan bertindak dengan sa-chara jujur demi kepentingan petani², ia-itu satu gulungan ra'ayat jelata yang perlu hidup, gulungan bumiputra itu boleh terus hidup di-dalam zaman pembangunan yang di-katakan Ranchangan Lima Tahun Kedua ini sa-imbang dengan ra'ayat atau pun kaum² yang lain. Jika kaum² yang lain daripada gulungan petani yang tidak membuat bendang dengan senang boleh mendapat \$600-\$700 sa-bulan biar-lah kalau ta' boleh \$500-\$600 petani² itu boleh dapat \$250 sa-bulan pun Alhamdulillah.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian kita dan saya memandang bahawa dengan ada-nya pindaan ini di-kemukakan, dan akan di-luluskan serta di-laksanakan kelak, beberapa kesulitan yang di-alami oleh

penanam² padi kita di-Ranchangan Pertanian Muda di-Kedah dan juga di-Kemubu yang mana Rang undang²-nya akan di-kemukakan kelak, maka semua-nya akan dapat-lah di-atasi.

Pertama sa-kali, saya nampak bahawa dalam Rang Undang² ini akan memasukkan Ketua Pengarah Jabatan Parit dan Taliayer atau wakil-nya. Sa-lama ini, Tuan Yang di-Pertua, Ketua Jabatan parit dan Taliayer tidak bersama dalam Lembaga ini, maka beberapa kesulitan telah di-alami oleh penanam² padi. Kadang² ketua Jabatan Parit dan Taliayer ini mengatakan bahawa dia tidak mustahak bersama² dalam ranchangan ini, sebab dia tidak di-Wartakan.

Jadi dengan keadaan yang ada ini, saya fikir pada masa yang akan datang, kesulitan penanam² padi kita tidak akan berlaku sebagaimana yang ada sekarang.

Kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, tujuan Lembaga ini di-adakan ia-lah hendak meninggikan taraf hidup penanam² padi kita di-kedua² kawasan. Saya ingin mengemukakan sa-mula dan menyokong pendapat rakan sa-jawat saya tadi bahawa Kerajaan kena-lah mengkaji sa-mula bahawa petani² yang ada di-situ tentu-lah benar² akan dapat menikmati ranchangan ini. Kira-nya petani² itu tidak dapat sa-bulan \$250 sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, menurut pendapat saya, Lembaga ini patut berikhtiar menchari jalan sama ada mereka ini di-kehendaki tinggal dalam Lembaga ini supaya dapat kawasan tanaman padi yang lebeh luas, atau di-pindahkan ka-satu kawasan tanaman padi yang sesuai dengan tanaman padi di-bawah arahan Lembaga ini saperti yang saya sebutkan dalam Negeri Johor luas kawasan tanaman padi yang mana petani² ini di-pindahkan ka-negeri Johor dengan menanam padi di-bawah usaha Lembaga ini dengan tujuan dan matlamat kita supaya pendapatan mereka itu tidak kurang daripada \$250 sa-bulan. Kalau mereka ta' ada dapat \$250 sa-bulan, Tuan Yang di-Pertua, kechewa-lah penanam² padi kita, kechewa-lah juga Kerajaan yang mengeluarkan perbelanjaan ber-tua² ringgit dalam dua² Lembaga ini.

Sa-lain daripada itu, saya juga menganjorkan kepada Kerajaan supaya penanam² padi yang kurang pendapatan-nya daripada \$250 itu kita pindahkan dalam Ranchangan Tanah Persekutuan, bagi peluang mereka memasoki

penghidupan bertanam getah dan juga kelapa sawit.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam masalaah ini juga berhubung dengan Lembaga ini patut memulehkan penghidupan petani² kita di-kedua² kawasan itu ia-lah kalau pada masa dahulu ada-lah termashhor di-Kedah dan juga di-Kelantan dengan pengeluaran ikan darat, tetapi dengan ada-nya Jabatan Parit dan Taliayer ikan darat ta' ada lagi. Jadi sekarang Jabatan Pertanian mesti meng-usahakan macham mana hendak membiakkan ikan sepat, ikan keli, ikan haruan supaya banyak dalam kawasan perayeran ini. Dan ini sa-lain daripada menambah hasil padi, dia boleh menambah mata pencharian hidup-nya dalam lapangan perikanan darat. Ini satu usaha yang di-sungutkan oleh petani² kita. Dengan ada-nya ranchangan ini, maka ikan darat di-kawasan² ini telah kurang dan mengurangkan hasil negara. Kalau dahulu kita berbangga, ikan sepat daripada Kedah, ikan sepat daripada Kelantan, tetapi sekarang ta' jumpa ikan sepat yang begitu baik di-pasar², kechuali sepat dan haruan yang datang dari Siam. Jadi patut di-biakkan dalam perayeran² sawah di-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi yang patut saya kemukakan menurut hemah saya ia-itu Lembaga ini hendak-lah memajukan padi atau beras dalam negeri ini, tetapi pada masa sekarang Kerajaan belum boleh menentukan satu nama padi kebangsaan Malaysia. Jadi kita ada padi Mahsuri, padi Malinja, macham² padi. Pada hal negeri² lain, kalau di-sebut beras Siam, memang mutu-nya itu baik. Sekarang ada sa-jenis beras daripada Amerika yang kalau kita hendak beli-nya dengan harga yang mahal. Kenapa Jabatan Penyelidikan Padi ini tidak mengusahakan supaya dapat meninggikan mutu beras atau darjah beras dalam negeri ini dan di-namakan "Beras Malaysia." Jadi dengan keadaan macham ini, kita boleh tumpukan kepada petani² dalam dua Lembaga ini supaya menanam padi yang saya katakan tadi. Keluaran padi itu di-namakan "Padi Malaysia", bukan padi Malinja, bukan padi Mahsuri, saya mahu "Padi Malaysia", dengan mutu-nya yang baik, darjah-nya baik sama taraf-nya dengan beras Siam, beras India atau beras Amerika. Dan dengan ini sa-chara ta' langsung taraf hidup petani² kita itu akan bertambah.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara ini ada membuat simpanan beras di-stockpile-nya. Baharu² ini telah di-keluarkan beras² itu kepada orang ramai. Tetapi malang-nya beras yang di-keluarkan oleh Kerajaan daripada Lembaga Padi dan Beras Negara, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat bersungut bau-nya hapak, di-jual di-pasaran dengan harga murah 23 sen-24 sen, tetapi ra'ayat ta' boleh, makan kerana beras itu bau-nya hapak, Tuan Yang di-Pertua. Ini di-katakan beras Kedah, bila beras itu hapak. Sa-benar-nya beras yang di-keluarkan oleh Kerajaan ini yang berbau. Jadi pada masa yang akan datang, saya fikir jangan-lah di-simpan lama² beras ini dan beras² yang rosak, yang berbau, yang mudharat kepada ra'ayat itu di-musnahkan, ta' usah di-jual kepada ra'ayat.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Duit-nya.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya tidak kira-lah masalah duit-nya. Ini ia-lah bau-nya dan merosakkan nama Lembaga Padi kita dan Tuan Pengerusi-nya pun ada di-sini. Jadi dengan ada-nya Pengerusi yang baharu ini bau padi ini kurang memuaskan orang ramai.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, yang ada di-sini ia-lah wakil Muar Dalam.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, wakil Muar Dalam itu dengan sendiri-nya dia jadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras dan dia juga bertanggung-jawab dalam masaalah ini.

Saya fikir sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya berikan pandangan². Saya bukan daripada kawasan yang menanam padi, tetapi ini sungutan daripada ra'ayat. Saya sudah pergi ka-Kedah dahulu, orang Kedah sungutkan Jabatan Parit dan Taliayer tidak bekerjasama dengan Lembaga Padi. Ini masaalah-nya yang patut saya bangkitkan, tadi saudara saya Yang Berhormat dari Kedah dia lupa masaalah ini, saya sambongkan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini. Sambil menyokong saya juga hendak mengeluarkan fikiran saya. Fikiran saya ia-lah walau bagaimana pun banyak ayer yang di-keluarkan oleh Rancangan Pertanian Muda ini, walau bagaimana baik-nya Jawatan-kuasa, walau

bagaimana kukoh-nya ampangan² yang di-buat, tetapi jika ra'ayat yang di-katakan petani², yang kita katakan petani ini orang yang menchangkul, atau pun orang yang punya tanah. Kita selalu mengatakan definition petani ini orang yang menchangkul, tetapi orang yang menchangkul itu pekerja (worker). Jadi pekerja ini mendapat barang-kali 50% daripada hasil sawah padi-nya, dan sa-tinggi²-nya 60%; itu-lah hasil-nya.

Tuan Yang di-Pertua, jika bagini-lah terus-menerus kita hendak memikirkan hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat, baik ra'ayat di-sawah, baik ra'ayat di-kampung, baik ra'ayat yang pergi ka-laut, jika terus-menerus yang di-katakan pak² tani tadi tidak mempunyai tanah, bagaimana untok meninggikan lagi taraf hidup ra'ayat di-dalam tempoh lima tahun yang akan datang ini. Ini-lah yang kita persoalkan sama² pada hari ini yang kita patut fikirkan sama², bukan untok menambah lagi dua, lagi empat, lagi sa-puluh, tetapi saya ada-lah menyokong untok menambah dua lagi supaya mengemaskan pekerjaan ini, tetapi yang penting sa-kali yang saya fikirkan ia-lah petani² tadi.

Berbalek kapada shor saya dahulu mengenai ratapan ra'ayat ia-itu land for the tillers and land for the landless, bukan saya maksudkan land for the tillers and land for the landless tadi kapada orang² yang punya getah², sebab di-negeri kita ini penoh dengan tanah, banyak lagi tanah yang boleh di-beri kapada ra'ayat, bukan saya maksudkan begitu, atau pun kapada oil palm yang banyak boleh di-tanam di-Sabah, di-Sarawak, di-hutan Pahang, Johor Tenggara, Pahang Tenggara, ini semua untok oil palm. Yang saya maksudkan chukop sadikit ini ia-lah irrigation land. Saya katakan bagini oleh kerana orang dari Kedah banyak masuk ka-kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua. Orang² itu dahulu-nya jadi pekerja sawah di-Kedah, lari ka-Kuala Selangor, kawasan saya. Apa sebab-nya? Sebab-nya ia-lah menanti bertahun² hendakkan tanah supaya dapat di-changkul-nya dan mendapat hasil daripada titek-peloh tadi 100%, tetapi sa-panjang hidup-nya dia akan terus menchangkul, terus menchangkul, tetapi tanah itu kepunyaan orang lain. Dengan sebab itu, bukan-nya berma'ana saya tujuan bagi Kerajaan merampas tanah² orang yang punya sawah itu rampas—tidak, bayar compensation yang betul² kapada mereka supaya orang ini boleh membeli tanah getah,

boleh membuka tanah getah, boleh membuka tanah kelapa sawit, boleh memberi saham, boleh berniaga yang lain². Itu yang saya tujukan supaya orang² yang punya tanah yang luas boleh-lah menjual kepada Kerajaan dan Kerajaan membeli sa-chara adil dan ra'ayat yang menchangkul tadi dapat-lah tanah dan di-kerjakan-nya dan mereka akan suka mengerjakan ini dan mengeluarkan hasil yang lebih banyak lagi.

Saya bukan menentang, tetapi ada-lah mengshorkan kepada Kerajaan. Ini-lah satu perkara yang baik, oleh kerana barangkali Menteri Pertanian telah juga pergi ka-Taiwan dan telah menengok di-Taiwan. Chiang Kai Shek dahulu lintang-pukang lari daripada Tanah Besar China, oleh kerana landlord² atau pun tuan² tanah negeri China itu mengganyang ra'ayat, menghisap darah ra'ayat, dengan sebab itu, tuan² tanah ini banyak lari ka-Taiwan dan di-Taiwan satu pertukaran supaya orang² yang punya tanah terpaksa-lah menyerahkan tanah dan bayar compensation yang baik oleh Kerajaan dan orang² yang tidak bertanah yang menjadi petani mendapat tanah ini. Saya shorkan kepada Kerajaan memikirkan di-atas perkara ini. Mana tahu satu masa dan satu hari yang akan datang dalam lima tahun yang kedua ini Kerajaan akan mengambil shor saya ini, oleh kerana saya fikirkan perkara ini ada-lah baik, kerana dalam masa lima tahun yang kedua ini, kita juga akan meninggikan taraf hidup ra'ayat di-kampung².

Kedua-nya, saperti mana saudara saya Ahli dari Kedah tadi mengatakan padi ini telah banyak sangat, oleh kerana dapat dua kali sa-tahun, dengan itu banyak sangat di-tuai, kalau sudah banyak sangat, kalau Kerajaan beli pun tempat-nya tidak ada, kerana persiapan kurang. Ini baharu sahaja dan tidak tahu yang hasil-nya begitu banyak, jadi tempat-nya tidak ada hendak menyusun-nya, dan bukan sahaja tempat-nya, Kerajaan belum lagi bersiap, saya perchaya, dan millers, rice mill atau kilang padi belum siap lagi. Saya fikir lain tahun baharu-lah Kerajaan akan membeli rice mill baharu untuk mengilang padi² ra'ayat tadi.

Saya harap, ini kita belajar, oleh kerana belum lagi tahu bagaimana hasil Ranchangan Pertanian Muda ini, oleh kerana kita dapat tuai dua kali atau tiga kali sa-tahun. Saya harap pada lain tahun beberapa rice mill yang baharu yang besar² di-mana ra'ayat akan menjual padi²-nya kepada Kerajaan.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan kerana memasukkan pindaan kepada Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972 ini ia-itu dengan menambah lagi sa-orang anggota-nya dalam Lembaga itu yang mewakili Lembaga Padi dan Beras Negara. Dan saya berchakap sa-bagai Ahli dari Muar Dalam yang juga ada terlibat dan mengetahui sedikit hal berkenaan dengan beras dan padi ini dan saya suka mengambil kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan sedikit daripada apa yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang berhormat berhubung dengan padi dan beras yang ada kaitan-nya dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini.

Dengan ada-nya sa-orang wakil daripada Lembaga Padi dan Beras Negara di-dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini, maka saya harap dan perchaya bahawa ahli daripada Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan dapat mengemukakan dan menasehat tentang padi² yang patut di-tanam dan patut di-galakkan ra'ayat menanam-nya. Kerana kita mengetahui bahawa maseh ramai lagi ra'ayat kita yang menanam padi yang apabila sudah di-kilang menjadi beras tidak dapat pasaran. Maka padi yang sa-umpama ini sudah tentu tidak akan mendapat dan mencapai harga yang di-katakan harga minima terjamin atau GMP \$16 sa-pikul itu, oleh sebab itu dengan ada-nya sa-orang wakil daripada Lembaga Padi dan Beras Negara saya yakin dan perchaya bahawa pada masa akan datang akan dapat di-nasehatkan supaya padi² yang di-tanam kelak ia-lah daripada jenis yang dapat pasaran yang baik di-tanah ayer kita ini. Saya suka juga menjelaskan di-sini oleh sebab ada di-sebutkan tadi oleh wakil dari Kubang Pasu Barat ia-itu tentang surat pekeliling yang di-keluarkan oleh Ketua Pengarah, Lembaga Padi dan Beras Negara; tetapi sa-benar-nya surat pekeliling itu ada-lah perkara routine, di-keluarkan pada tiap² 6 bulan sa-kali dan ini telah berjalan beberapa tahun sa-belum pun Lembaga Padi dan Beras Negara di-tubuhkan ia-itu satu pembaharuan tiap² kali sa-belum musim menuai, jadi di-adakan surat pekeliling sa-umpama itu dan walau pun ada menyebutkan padi yang kurang mendapat pasaran itu harga-nya rendah, tetapi ini

tidak berma'ana bahawa jaminan harga yang minima ia-itu \$16 sa-pikul itu tidak di-laksanakan. Apa yang telah berlaku ia-lah ada satu kesilapan di-dalam akhbar yang menyiarkan itu dan saya perchaya besok pembetulan-nya ada di-siarkan pula.

Yang sa-benar-nya bagaimana saya jelaskan tadi ia-itu petani² di-galakkan menanam padi jenis yang baik yang sudah tentu mendapat pasaran, kalau tidak ia akan merugikan Kerajaan kerana Lembaga Padi dan Beras Negara terpaksa membeli padi itu dan sa-telah di-kilang, di-simpan maka tidak dapat pasaran ini berma'ana merugikan Kerajaan menyimpan stockpile-nya. Bagitu juga menyebut tentang stockpile, Ahli daripada Kubang Pasu Barat juga menyebutkan ia-itu dengan penjualan beras simpanan konon-nya harga padi merosot. Ini tidak benar. Kerana masa penjualan beras itu berlaku padi belum pun menguning, belum pun tumbuh tinggi, jangan kata hendak di-tuai. Jadi itu tidak betul.

Sa-benar-nya apa yang telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu daripada Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah memberi tahu saya, waktu lawatan beliau di-dua tiga gudang beras ia-itu tempat beras yang di-simpan bagitu lama dahulu sa-belum tertuboh-nya Lembaga Padi dan Beras Negara maseh tersimpan. Saya dapat tahu daripada beliau ia-itu di-perintahkannya beras ini lebih baik di-jual, di-lelong dengan melalui quotation atau tender supaya tidak merugikan dan Kerajaan tidak akan menanggung kerugian yang besar dan sa-belum beras itu habis hanchor langsung. Kalau di-anggap tidak boleh di-makan oleh manusia di-jadikan makanan untuk haiwan. Jadi waktu beras itu di-jual, orang baharu sahaja menanam padi. Jadi bukan-nya dengan sebab penjualan beras itu merosot-nya harga padi, ini tidak betul. Padi yang di-katakan pengeluaran di-musim "off season" baharu sahaja tengah hendak di-tuai. Apa yang ada berlaku di-setengah tempat ia-lah pehak millers, ia-itu pehak pengilang mengambil kesempatan dan menyalah-gunakan ini dan menawarkan harga yang rendah kepada petani² dan saya dapat tahu daripada Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara, kalau dia dapat tahu ada pengilang yang macham itu dia akan kensel lesen pengilang itu—itu yang saya dapat tahu daripada beliau.

Tentang wakil dari Kubang Pasu Barat mengatakan Kerajaan mengabaikan nasib petani, ini juga tidak betul. Kerana yang saya tahu daripada Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara, sekarang sa-benar-nya Lembaga itu menjalankan kegiatan untuk meninggikan taraf hidup petani² dan bukti-nya di-Perlis dan Kedah terutama sa-kali sekarang dengan berkurang-nya penyeludupan maka harga padi lebih tinggi daripada yang di-jangka. Ada yang sampai \$18.50 ada \$17.50 ma'ana-nya \$1, \$2 lebih tinggi daripada harga minima yang terjamin. Ini memang boleh di-saksikan sekarang dan di-Kelantan, yang dahulu-nya \$11 di-jual kerana beras terlalu banyak, orang Kelantan masa itu makan beras Siam semua-nya, beras yang di-tanam di-jual kepada Lembaga Padi dan Beras Negara kerana mendapat harga tinggi dan dia makan beras Siam, tetapi dengan di-tahan penyeludupan sekarang sedikit sudah naik harga padi. Pehak Lembaga Padi dan Beras Negara sentiasa memerhatikan hal ini supaya petani nasib-nya dapat di-bela dan harga padi naik bagaimana yang di-saksikan sekarang di-beberapa tempat.

Chadangan tentang hendak menjual beras keluar negeri, ini memang satu chadangan yang baik, tetapi sudah tentu kita tidak dapat bertanding dengan beras Siam atau beras daripada Taiwan, kerana kita ada mempunyai harga minima yang terjamin atau G.M.P. Jadi apabila sudah di-kilang beras itu lebih tinggi harga perbelanjaan-nya daripada beras yang datang daripada negeri Siam atau Taiwan melainkan Kerajaan bersedia untuk mengadakan expot yang subsidised ia-itu yang di-bantu oleh pehak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat tadi menyebutkan juga tentang *Berita Harian* hari ini mengatakan kegelisahan pehak petani di-Seberang Prai. Sa-benar-nya saya juga membacha pagi² tadi. Ini yang sa-benar-nya bagaimana saya jelaskan tadi bahawa ada juga pehak pengilang yang chuba menyalah-gunakan surat siaran yang di-keluarkan tiap² 6 bulan sa-kali itu, dan perkara ini yang saya dapat tahu, ada dapat perhatian berat daripada Lembaga Padi dan Beras Negara dan pehak Pengerusi-nya suka sangat hendak berdialog dengan ra'ayat di-sabelah sana saperti juga dia berdialog di-Krian tidak berapa lama dahulu dan beliau pun sudah menjanjikan

pehak² ra'ayat di-sana supaya tidak payah bimbang lagi, pehak Lembaga Padi dan Beras Negara akan mendirikan sa-buah kompleks yang di-satukan ia-itu kilang pengering pun ada dan pengilang padi pun ada. Pada masa akan datang ra'ayat di-sana sudah tentu, dengan kawalan yang baik, tidak dapat di-permainkan oleh pehak pengilang² yang tidak jujur.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang perkara yang ada hubungan juga dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ini, kerana di-sana-lah tempat yang di-katakan jelapang padi di-kawasan perayeran Muda ini, sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ada menyebut tentang nama beras. Sa-benar-nya, rasa saya, pehak Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan sudah tentu akan menjawab, tetapi bagus juga saya jelaskan. Kalau kita tahu hanya beras Siam, dia ada nama juga, tiap² beras Siam itu ada nama-nya, bukan-nya beras Siam bagitu saja. Kita di-Malaysia pun, kerana duduk di-Malaysia kita tahu ada beras Malinja, beras Apollo yang lebeh tinggi mutu-nya daripada beras Mahsuri. Jadi kalau siapa hendak makan beras Apollo lebeh tinggi daripada beras Mahsuri yang sama taraf-nya dengan beras nombor I Siam itu, lepas itu baharu beras Mahsuri istimewa, di-ikuti dengan beras Bahagia, ada juga beras yang di-gelar beras "tua pei" ia-itu perut-nya bunchit, Tuan Yang di-Pertua. Itu beras yang harga murah. Jadi yang sa-benar-nya tentang nama ini memang baik kalau kita ada satu nama jang di-ubah² selalu. Saya juga meminta kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan supaya jangan ubah² selalu mengelirukan orang, kalau sudah terkenal umpama-nya Mahsuri biar tetap Mahsuri tetapi namakan saja Mahsuri A, Mahsuri B atau Mahsuri I, Mahsuri II, kerana kalau di-tukar barangkali sukar pula orang hendak memilih beras yang mana. Kerana mengikut penyelidikan yang saya telah di-beritahu, beras ini sa-lepas daripada empat tahun tidak boleh lagi mengekalkan keadaan-nya yang baik itu; terpaksa di-baiki mengikut penyelidikan yang di-jalankan. Berkenaan dengan padi² ini terpaksa di-chari benih yang lain, atau di-perbagaikan jenis² yang ada supaya mendapat beras jenis yang baharu. Jadi, sa-telah empat tahun terpaksa di-beri nama yang baharu, tetapi walau demikian, saya berharap nama itu jangan-lah di-ubah² banyak. Kalau pada masa yang akan datang

pun di-sebut Mahsuri Satu atau Mahsuri Dua, tetapi maseh Mahsuri juga. Tetapi di-negeri luar tentu-lah beras kita di-katakan beras Malaysia. Itu rasa saya tidak-lah menjadi masalah dan sa-tengah beras stockpile yang di-jual, bagaimana yang di-rungutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi, memang-lah ada yang sudah berbau, fasal sudah lama. Kalau tidak tidak-lah di-lelong dengan chara bagitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya meyokong sangat-lah Rang Undang² ini dan mengenai tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya juga telah di-beritahu oleh Pengerusi, Lembaga Padi dan Beras Negara, memang pada masa yang akan datang, pendek-nya di-Kuala Selangor, Sabak Bernam dan juga di-Tanjong Karang akan mendapat dua lagi kilang beras dan pengering, ia-itu yang di-katakan "integrated complex" kompleks yang di-satukan, mengandongi pengering dan storage. Masa akan datang, dengan ada-nya Lembaga Padi dan Beras Negara menjalankan segala rancangan yang sudah ada sekarang, jika tidak ada sekatan dari pehak Perbendaharaan, saya yakin dan perchaya ra'ayat yang sekarang menjalankan perusahaan menanam padi ini akan mendapat bahagian daripada masa² yang telah lalu.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, yang juga menjadi Pengerusi, Lembaga dan Padi Beras Negara, yang telah pun memberi penjelasan dan jawapan yang rasa saya chukop terang dan tidak payah saya menambah lagi. Chuma dua tiga perkara lagi yang patut saya sebutkan di-sini, ia-itu memang-lah tujuan Kerajaan hendak berusaha dengan sa-dapat mungkin menchukopkan keperluan negara dari hasil penanaman padi dan beras-nya, akan tetapi saya suka menyatakan di-sini, ia-itu saperti yang pernah di-uchapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri, ia-itu Malaysia tidak berchadang hendak menchukopkan 100% bekalan beras negara di-sebabkan harga yang mungkin turun dengan sebab terlalu banyak-nya beras. Yang demikian Kerajaan berchadang hendak meningkatkan pengeluaran padi dan beras ini kapada 90% dan yang 10% lagi di-impot dari luar negeri, tetapi bagaimana pun dalam tempoh lima tahun yang lalu, kita telah menyelamatkan pertukaran wang luar

dari \$150,000,000 sa-tahun. Sekarang ini hanya tinggal \$50,000,000 sahaja sa-tahun, ia-itu dengan bertambah-nya hasil padi kita yang sangat² menggalakkan dan boleh di-anggap luar biasa kemajuan-nya yang telah di-lancarkan penanaman padi dua kali sa-tahun ini.

Walau pun sekarang ini di-kawasan Kemubu belum lagi 100% menghasilkan padi dua kali sa-tahun dan Ranchangan di-Besut juga belum lagi menghasilkan penanaman padu dua kali sa-tahun, sekarang telah pun menjadikan satu masaalah kepada petani² kita di-sebabkan harga minima yang di-tentukan oleh Kerajaan \$16.00, tetapi di-bimbangkan dengan terlalu banyak-nya pengeluaran padi harga-nya akan turun. Kerajaan menghadapi satu keadaan yang serba salah. Waktu saya melawat ka-Kedah, Perlis, Perak Utara, Kelantan dan di-Trengganu, saya di-desak oleh petani² supaya Kerajaan menambahkan lagi harga padi yang minima dari \$16.00 kepada yang lebih tinggi. Kemudian saya melawat pula ka-Johor. Saya di-desak oleh petani² supaya Kerajaan menurunkan harga padi dan harga beras yang terlalu tinggi. Ini dengan alasan mereka yang di-sabang Selatan Teberau, di-Singapura, tidak ada sa-batang padi pun di-tanam, tetapi beras-nya murah. Jadi, dalam keadaan bagini-lah Yang Kerajaan terpaksa menimbangkan kedua² perkara ini. Kalau di-utara petani² kita harus di-tinggikan taraf hidup-nya dengan harga padi yang lebih, dan juga pembeli beras yang juga ra'ayat negara kita di-sabang selatan, yang tidak ada menanam padi, harus juga di-fikirkan supaya mereka dapat membeli beras dengan harga yang murah.

Mengenai dengan sungutan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat berhubung dengan ahli dalam Lembaga Pertanian Muda ini, sa-benar-nya Lembaga Pertanian Muda di-wakili oleh tiga orang, tetapi di-sebabkan negeri Kedah dan Perlis termasuk dalam lingkungan kawasan Perayeran Muda, maka sa-orang daripadanya terpaksa di-wakili dari negeri Kedah, sa-orang dari negeri Perlis dan Pengerusi-nya ada-lah wakil daripada negeri Kedah, ia-itu sa-orang Ahli Ex-Co. Jadi, erti-nya tiga orang juga, bukan-lah dua orang seperti yang di-katakan, ia-itu di-Kemubu Yang. Yang sa-benar-nya negeri Kedah dan Perlis juga di-wakili oleh tiga orang.

Mengenai dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, yang menyatakan—barangkali beliau keliru sedikit. Yang sa-benar-nya pertukaran nama sahaja kepada Pengarah, Jabatan Parit dan Taliayer ini kepada Ketua Pengarah. Yang sa-benar-nya Pengarah ini memang ada menjadi ahli pada masa yang lalu, chuma pertukaran nama sahaja daripada Pengarah Jabatan Parit dan Taliayer kepada Ketua Pengarah. Yang sa-benar-nya orang itu juga. Dan saya juga merasa simpati dengan apa yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat supaya wakil petani patut dudok dalam Lembaga ini dan Kerajaan memang menimbangkan soal ini dari sa-masa ka-samasa dan kalau boleh saya memikirkan wakil yang patut dudok dalam Lembaga ini sa-bagai Wakil Petani ia-lah wakil daripada Persatuan Peladang sendiri dan soal ini akan di-timbangkan oleh Kerajaan dan jika perlu kita bawa balek ka-Dewan ini untuk pindaan.

Saya fikir tidak payah saya mengulas panjang lagi dan sa-kali lagi saya meng-ucapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi fikiran dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara yang telah memberi penjelasan bagi pehak Kerajaan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU, (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana juga yang telah saya kemukakan sa-bentar tadi mengenai dengan

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 1972, bagitu-lah kedudukan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 ini.

Saya mohon mengemukakan Rang Undang² Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang² ini ada-lah untuk meminda sekshen-kecil (1) sekshen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 berhubung dengan keanggotaan Lembaga tersebut sa-bagaimana di-nyatakan dalam Fasal 2 (a), (b) dan (c) Rang Undang² ini.

Fasal 2 (a) Rang Undang² ini bertujuan untuk memasukkan nama jawatan baharu ia-itu "Ketua Pengarah Parit dan Taliayer" bagi menggantikan nama jawatan "Pengarah Parit dan Taliayer" seperti yang tersebut akan yang terdapat di-perenggan (c) sekshen-kecil (1) sekshen 5 Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972. Pindaan ini ada-lah perlu berikutan dengan penukaran nama jawatan Pengarah Parit dan Taliayer kepada Ketua Pengarah Parit dan Taliayer.

Fasal 2 (b) Rang Undang² ini bertujuan untuk memasukkan sa-orang Wakil Lembaga Padi dan Beras Negara sa-bagai sa-orang Ahli Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara ada-lah di-tugaskan mengenai polisi untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras, memastikan bekalan beras yang cukup dan memastikan harga padi dan beras yang berpatutan dan stabil bagi petani² serta melakukan segala perkara yang berkaitan dengan tujuan² tersebut. Oleh kerana itu, amat-lah penting bagi Lembaga Padi dan Beras Negara mempunyai perwakilan-nya sa-bagai ahli dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, supaya dengan itu, terdapat penyelarasan dan nasehat tentang pengeluaran, pemasaran, perkilangan dan lain² proses padi dan beras.

Fasal 2 (c) Rang Undang² ini ada-lah pindaan berikutan kepada Fasal 2 (b) ia-itu menomborkan sa-mula perenggan² (f) dan (g) sekshen-kecil (1) sekshen 5 Akta ini masing² sa-bagai perenggan (g) dan (h).

Fasal 3 Rang Undang² ini bertujuan meminda sekshen-kecil (2) sekshen 8 di-bawah Jadual Kedua Akta ini untuk menggantikan "KADA" dengan "KEMUBU".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² RAHSIA RASMI

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani ia-itu Rang Undang² Rahsia Rasmi, 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Rahsia Rasmi, 1972 ini di-wujudkan untuk meminda dan menyatukan semua Undang² di-negeri ini berhubung dengan rahsia rasmi.

Pada masa sekarang negara kita ini mempunyai 3 Undang² yang berasingan berhubung dengan rahsia rasmi yang berjalan kuatkuasa-nya di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Malaysia Barat mempunyai Ordinan Rahsia Rasmi No. 15/1950, Sabah mempunyai Ordinan Rahsia Rasmi (Cap. 90) sementara itu Sarawak pula menggunakan Official Secrets Acts 1911 and 1920 of the United Kingdom sa-bagai yang telah di-wartakan dalam Sarawak *Gazette* Nos S. 114/59 dan S. 115/59 dengan pengubahsuaian (modifications) yang di-buat kepada-nya dalam Sarawak *Gazette* No. S. 116/59, ia-itu Ordinan Rahsia Rasmi Sarawak (Cap. 63).

Semua Undang² yang di-sebutkan tadi perlu di-mansokh dan di-gantikan dengan satu Undang² yang lengkap dan "comprehensive" sesuai dengan keadaan sekarang ini untuk meliputi seluruh Malaysia.

Dalam Rang Undang² Rahsia Rasmi, 1972 ini perkataan² dan perbendaharaan² (expression) telah di-beri tafsiran baharu yang luas penggunaan-nya. Umpama-nya tafsiran "armed forces" termasuk-lah pasokan bersenjata biasa atau pasokan sukarela sama ada yang berpangkalan di-dalam atau di-luar negeri ini. Tafsiran-nya juga meliputi pasokan bersenjata negeri asing sama ada mereka bergerak bersama² dengan pasokan bersenjata kita atau pun yang datang melawat negeri ini sahaja. Tafsiran kepada "public service" telah di-perluaskan untuk memasukkan bukan sahaja Kementerian², Jabatan² Kerajaan, Mahkamah², dan Pihak²-berkuasa bahkan Badan² Berkanun, Badan² Pengadilan (Tribunals), Institusi², malah sebarang pihak-berkuasa yang di-ishtiharkan dari masa ka-samasa oleh Menteri dalam gezet sa-bagai "public service". Begitu juga tafsiran perkataan² "article" dan "document" di-perluaskan bagi meliputi sebarang benda yang boleh di-anggap "article" dan "document" bagi maksud Rang Undang² ini.

Fasal 3 hingga 19 ia-itu perkara² yang berhubung dengan kelakuan yang membawa kepada melakukan kesalahan² di-bawah Rang Undang² ini ada-lah berasaskan seksyen 3 hingga 15 Ordinan Rahsia Rasmi No. 15/1950 untuk negeri² Tanah Melayu, tetapi perkara ini telah di-beri pengubahsuaian (modifications) sama ada dalam bentuk atau perbendaharaan (expressions). Dengan chara ini kesalahan dan hukuman-nya ada-lah di-nyatakan di-bawah tiap² fasal yang berkenaan.

Fasal 20 dan 21 ada-lah peruntukan² baharu berhubung dengan hal² mengenai penyiasatan sa-telah kesalahan² di-lakukan. Fasal 20 memberi kuasa kepada Pegawai Polis yang berpangkat penolong Penguasa Polis atau lebih tinggi daripada itu untuk memeriksa bank² account atau lain² account atau apa jua barang atau document sa-saorang yang telah terlibat dalam kesalahan di-bawah Rang Undang² ini. Kuasa ini yang terta'alok kepada pengeluaran perintah oleh Penda'awa Raya perlu di-adakan kerana kesalahan² yang di-lakukan mungkin melibatkan unsur² penerimaan wang dan ganjaran² yang haram. Fasal 20 ini berasaskan kepada Akta Menchegah Rasuah, 1961. Terta'alok kepada pemberian amaran (caution), Fasal

21, yang berasaskan kepada seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, membolehkan sebarang pengakuan keterangan (admission of evidence) di-terima dari sa-saorang yang di-tuduh. Tetapi kenyataan² yang di-buat tidak akan di-terima sa-kira-nya pemberian-nya ada-lah akibat daripada ancaman, dorongan atau janji² (threat, inducement or promise).

Sa-lanjut-nya Fasal 22 hingga 25 ada-lah peruntukan yang baharu yang berasaskan kepada Akta Menchegah Rasuah, 1961. Fasal 22 memperuntukkan supaya sebarang kenyataan daripada sa-saorang saksi mungkin di-perchayai dan di-ambil kira, sementara Fasal 23 pula membolehkan lebih daripada sa-orang saksi di-panggil untuk di-pereksa dan memberi keterangan bagi pihak penda'awaan. Ia juga memberikan kepada saksi² tersebut perakuan pengechualian daripada penalti (certificate of indemnity) sa-kira-nya pada pendapat mahkamah saksi² tersebut telah menyatakan seluruh-nya yang di-anggap benar. Fasal 24 pula memberikan perlindungan (protection) kepada informer². Akhir-nya Fasal 25 memberikan peruntukan yang Rang Undang² ini mempunyai bidang kuasa di-luar negeri (extra-territorial jurisdiction) terhadap sa-barang pegawai atau bekas pegawai "public service" negeri ini sama ada ia-nya warganegara atau tidak, yang melakukan kesalahan di-bawah Rang Undang² ini.

Hukuman kerana melakukan kesalahan² di-bawah Rang Undang² ini telah di-naikkan lagi bergantung kepada jenis kesalahan yang di-lakukan. Hukuman kerana kesalahan mengintip (penalty for spying) di-bawah Rang Undang² ia-lah penjara sa-hingga 14 tahun atau denda sa-hingga \$20,000 atau kedua²-nya sekali berbanding dengan \$10,000 atau penjara sa-hingga 14 tahun di-bawah Ordinan yang lama ia-itu Ordinan Rahsia Rasmi, 1950. Begitu juga hukuman² kerana kesalahan² yang lain di-bawah Rang Undang² ini telah di-naikkan dengan sa-wajar-nya. Hukuman² ini perlu di-naikkan untuk di-sesuaikan dengan kehendak dan keadaan masa, lebih² lagi kesalahan² berhubung dengan rahsia amat-lah serious kepada keselamatan dan keutuhan Negara ini.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengusulkan.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyekong.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, this Official Secrets Act is, to say the least, a frightening instrument which will confer greater police powers to the Government to arrest and detain persons on the merest grounds of suspicion that official secrets of one kind or another may have been passed to a foreign agent and even if that act of treachery has not been committed but on the merest suspicion a raid could be made with all that it entails.

I believe, Sir, that if this Bill is passed through this House, it will terrorise not only the whole of the Civil Service—it will really terrorise them—because no Government servant either in the Civil Service, the Army, the Police or the Navy, would dare even to talk to a member of the public for fear that he may have contravened the provisions of this Official Secrets Act which is so sweeping in its reach and power and terror that I hope that more Members of Parliament on both sides of this House would speak up against it.

Sir, we all subscribe to the necessity for the Government to protect itself, to protect this country, to safeguard essential, vital, military secrets. But the Bill, which is presented here today, reaches beyond what is required under this governmental necessity to protect this country. It gives the Government tremendous powers and, Sir, I am afraid that it could very well turn this country into a Police State, which is not what we want. Sir, we are getting back into democracy, Parliament has been reconvened, the democratic system is being strengthened, public confidence is returning to this country, but with the passage of this Bill we are taking a retrograde, a backward, step once again to a Police State, which we do not want. I do not know whether the communist countries' governments in Russia or in the People's Republic of China would have a sweeping Bill as this one.

So, Sir, I hope that there will be a fairly lengthy debate on this Bill and more Members of Parliament would speak up against it. I think the Bill should be modified so that the purpose of the Government itself, which is basically to ensure that official secrets are kept, would be served, but at the

same time without having to go through the necessity of terrorising our Civil Service and also the public at large.

The penalties, Sir, which are contained in this Bill are so severe—seven years' or fourteen years' imprisonment—they are so severe and are out of all proportions to the nature or the suspicions which are construed as an offence against this Bill. I am afraid, Sir, with all the difficulties in administration which we are already facing, the red tape and the bureaucracy which the Government has not been able fully to eliminate, the presence of such a terrorising new law would inhibit further the smooth functioning of administration in this country. Far from streamlining it, hastening it, things would be slowed down further, because Civil servants rightly will be afraid before they make any move, sign any letter, communicate with anybody, whether he be an intending investor or a tourist even, Sir, because the tourist may be a foreign agent. The fear will be there and, therefore, things would slow down in this country.

Now, Sir, Clause 17, Sub-clause (2), for instance says:

"For the purpose of this section, but without prejudice to the generality of the foregoing provision—

(a) a person shall, unless he proves to the contrary"—the onus, Sir, is on the person to prove to the contrary—"be presumed"—presumed, Sir, and not proved—"by the Government to have been in communication with a foreign agent if—

(i) he has, either within or without Malaysia, visited the address of a foreign agent or consorted or associated with a foreign agent;"

Now, Sir, if this Clause is approved by this House, then I say all of us who may have to go overseas—let us say now "outside Malaysia"—we would not dare to talk to anybody outside Malaysia, because how are we to know whether the person that we are talking to or communicating with, is a foreign agent? There is no safeguard against such a thing, because the very nature of espionage, Sir, is that the agent concerned would be able to disguise his identity with considerable finesse and we will not be able to know whether we are talking to a foreign agent or just a harmless banker or a harmless hotel

room-boy. So, Sir, I hope that this terrible sweeping clause, like many other clauses inside here, could be looked into and revised because of the terror inherent in such a clause.

Then, again, Sir, within the country, I believe, Sir, if this Bill again is passed, any one of us who walked to a Government Department, especially Members of the Opposition—especially, Sir, Members of the Opposition—would have a great deal of difficulty even communicating on very simple and harmless matters with the Civil Service for fear, on the part of Government servants, that official secrets may have been transgressed, official secrets may have been passed to the Opposition.

So, I hope, Sir, the Government would seriously reconsider this Bill and prevent this country from reverting to a Police State which will be highly detrimental to the renewed confidence in the political system in this country. The Government has done fairly well since the resumption of Parliament, but this Bill, Sir, I am afraid, would frighten the people more and would pull this country one step backward.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, there can be no dispute by anyone in this country in one thing—to deny foreigners, foreign powers, information that can be detrimental to the interest and welfare of this country, for we know that the foreign powers which today are friendly, may tomorrow become enemies. So there is a necessity, Mr Speaker, Sir, to deny them such information that may be prejudicial to the security of this country.

However, Mr Speaker, Sir, as I read this Bill, I am rather shocked at some of the provisions that have been put in. The protection to the ordinary citizen—a number of protections as given by the Criminal Procedure Code have been taken away. Under Clause 21, statements made before a person is charged or after a person is charged become admissible irrespective of what the other laws of this country may say.

Then we go on further—Section 22 which gives credence to the evidence of an accomplice, which the Criminal Procedure Code does not give. It may be, Mr Speaker, Sir, that in the muckish world of cloak and dagger, some human liberties or rights may have to be curtailed, but I personally feel

that the scope of this Bill is such that it takes away a lot of the safeguards that our laws so far had given to accused persons. The Police have been given very wide powers, Mr Speaker, Sir, and with those wide powers, there is a possibility, a great possibility that those powers can be abused, and in Malaysia, Police powers have been abused. A charge may not be brought to the Courts without the sanction of the Public Prosecutor or, if brought, the accused is not required to plead to it unless the consent of the Public Prosecutor is obtained. This in itself, Mr Speaker, Sir, permits abuse. The Police can take a person, arrest him, charge him and not proceed with it any further. There are so many instances in which Police powers can be abused and human beings being human beings, there will be and there must be cases in which these powers will be abused. So I hope that the Minister concerned would exercise greater control over Police personnel to see that the powers that are conferred on them are not abused in the name of safeguarding national interests.

Further, Mr Speaker, Sir, aside from the Police abusing their powers, one must come to the conclusion that this Bill is being presented to this House not simply for the purpose of safeguarding the interests of this nation but also possibly for politicians to cover up their mistakes. There is a tendency for political leaders to use the stamp of official secrets and to stamp it on all documents and all information, whether or not those documents are essential—to show they are secret in nature and essential and they should not be made known. There is always a tendency to release the least amount of information as possible for fear that others, on coming to get this information, may find mistakes in the acts of the Government, acts of political leaders and the actions of Civil servants. I hope, Mr Speaker, Sir, that political leaders who are in the Government and those in the Civil Service will not get the habit of classifying practically everything as “secret” because its revelation may be embarrassing to them.

What is surprising further, Mr Speaker, Sir, is that the definition of prohibited places has been extended to cover places where detainees are kept, places like Muar or Batu Gajah. Any information on those places may be classified as “secret”. Where is the necessity, Mr Speaker, Sir, of treating these

places as prohibited places where detainees are kept? It is not likely that information can be obtained from these places that would aid an enemy of Malaysia, or is the real intention of including places where detainees are detained to deny the public of Malaysia and information as to what is really going on in these detention camps? Further, Mr Speaker, Sir, in the definition of a public officer, the Official Secrets Act would cover not only public servants who are in the public service, as defined in Article 132 of the Constitution, but also they include local authorities and statutory authorities exercising powers vested by Federal or State law and any person, tribunal, body, institution or authority which may be declared by the Minister, by order published in the *Gazette*, to be a public service. So, practically every person, every office, for the purposes of the Official Secrets Act, will come within the ambit of this law.

What secrets, Mr Speaker, Sir, are local authorities in possession of that prior to this date was not considered information that would be detrimental for the security of this country if allowed to get into the hands of foreigners, but today after the passing of this Bill such information will be considered something that would be prejudicial to the interests of Malaysia. The information at statutory bodies, like the City Council has plans for building houses or water-supplies, and I cannot see the reason for this except that the Government in wanting to pass this Bill intends to deny the public information, to cover up mistakes that the Government or these local authorities have made or will be making in the future, because exposure of such information may be politically embarrassing to certain political parties or the present Government or to some individuals.

Mr Speaker, Sir, I hope that this Bill when passed will not be made use of by the Government to mislead the public into thinking that they are doing something which should not be opposed by members of the public, but in fact pursues to do something else. There is scope, Mr Speaker, Sir, by the extensive use of the Official Secrets Act to manipulate public opinion.

Tuan Yang di-Pertua: You are now imputing improper motives to the Government. You are not allowed to do it.

Tuan Peter Paul Dason: I am saying there is a possibility; I am not imputing.

Tuan Yang di-Pertua: You are not allowed to do it.

Tuan Peter Paul Dason: If it is not allowed, I will proceed to another point.

The Honourable Member from Bungsar has referred to Clause 17, where, on presumption a person may be found guilty. But under clause 16, Mr Speaker, Sir, it is not even necessary to show that an accused person is guilty of a particular act, but it is sufficient to convict him from circumstances of his conduct or his known character—"or" it is not a question of his conduct "and" his known character but it is sufficient to convict him on his conduct or his known character. So a situation can arise, Mr Speaker, Sir, where a man is accused, the prosecution is unable to prove him guilty of any particular act, they cannot prove anything from his conduct to draw the logical conclusion that he was up to no good, that he was doing something prejudicial to the interests of the country, but one can convict him from his known character. Added together the provisions of Clauses 16 and 17, Mr Speaker, Sir, one could easily reach a situation where innocent people would be found guilty because, further to these two sections, the onus of proof is on the accused and not the prosecution. I hope, Mr Speaker, Sir, that those whose job it will be to carry out the intent of this Act would be very careful because slight mistakes, human error on their part

Tuan Yang di-Pertua: You are repeating yourself now; you have said it many times.

Tuan Peter Paul Dason: It can lead innocent people to long terms of imprisonment, just a human error, Mr Speaker, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: You have said that before

Tuan Peter Paul Dason: And with that I end.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan di-samping itu saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini perlu, oleh sebab kita sa-bagai negara yang baharu mencapai kemerdekaan tidak berapa berpengalaman dalam perkara espionage dan counter espionage dan sa-bagai-nya. Dengan sebab itu, Kerajaan perlu mengumpulkan beberapa undang² yang ada dalam suatu Rang Undang² yang bernama Rang Undang² Rahsia Rasmi, 1972 ini.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the world of espionage is one that is as old as the history of mankind and so long as a man is distrustful of another man, and so long as one nation does not trust the other nation, that long will espionage and counter-espionage be necessary in order that what nations think are necessary for their survival.

Perhaps we are more familiar with the lurid tales of "Mata Hari" who in World War I slept with both French and German Generals with gay abandon, and who gave secrets from one to the other and got favours from one and the other, and finally ended up before a firing squad. What is not generally known, Mr Speaker, Sir, is this modern age of espionage where the methods used by the old-timers are completely out of date, and where new and terrifying methods are used to achieve what one thinks are necessary in the national interests.

In this country fortunately the public attention has not been focused on our espionage system in this country but we all know that the Special Branch, from time to time, gets quoted and we all know that the Special Branch is omnipotent. Those of us who are in the Opposition, those of us who have been in left-wing politics do know that the Special Branch pokes its nose into every form of activity of an Opposition Party. I myself, Mr Speaker, Sir, do hope that the Honourable the Deputy Minister of Home Affairs will pay some attention to the Special Branch because to me some of them are over-zealous. I would bring one specific case to the attention of the Honourable Deputy Minister. Recently a friend of mine, an ex-detainee, came to my house and in my library I said: "Look here, you pick and choose what book you like". I have several books on Red China, Mr Speaker, Sir, all bought from the bookshops in Kuala Lumpur, not sent to me secretly from Peking, and he took one book and I told him "Yes, you read it". It so

happened that a few days later the Special Branch, in its wisdom, chose to detain him and under the Internal Security Act he was detained for two months. During the time that he was searched in his house, they got hold of this book and they took it along with him. Then when I saw him in the High Street Police Station, having got permission from the Ministry of Home Affairs, I asked him: "Look here, what reading material do you need?" and he said, "Doctor, you can give me any reading material provided the Special Branch will allow you, I will be grateful for it if you can give me something". So I gave him Vasil's Account of the General Election of 1969. This book is perfectly legal. It is published by the Oxford University Press and you can go into any bookshop in Kuala Lumpur and get it. I brought it to him and gave it to the Special Branch Officer. Unfortunately, Mr Speaker, Sir, the Special Branch, in its wisdom, did not allow him to read that book and at the end of the 60 days when the Special Branch decided that he should be released, unfortunately, both my two books were also detained by the Special Branch and not given to him when he left the High Street Police Station and I had to ring up the Special Branch Chief of Selangor and then they had to look around and finally brought the books to my dispensary.

Mr Speaker, Sir, I am not against the Special Branch taking extra care to see whether I have slipped a pistol into the book when I handed it over to the detainee, nor am I against their looking very carefully at every page to see if there is any invisible ink with which I had written a special secret message to this friend of mine so that he could escape from the prison. But I fail to understand this over-zealousness on the part of the Special Branch, and I do hope that the Ministry of Home Affairs will in future direct them not to be over-zealous.

Mr Speaker, Sir, we are fortunate in this country that very little is known about counter-espionage services of our three Armed Forces, and I think that is what it should be. The less is known about our counter-espionage services in this country the better it will be for the security of the country. But let us not fool ourselves, Mr Speaker, Sir, because those who make it their business to know about the security of

this country are not fooled by the lack of information that is available to the ordinary citizens.

I refer to the enormous expenditure that has been poured into the Security Services of Soviet Russia. It has been estimated that the Russians lose in the region of about 2,000-plus agents every year and most of these agents are highly trained operators. Mr Speaker, Sir, we have the Hammer and Sickle flying in this capital and let us not fool ourselves that the Hammer and Sickle is not taking an interest in what is happening in this country.

I wish to touch, Mr Speaker, Sir, in passing, so as we can learn from the lessons of the past of the other countries, how the Russian Secret Service has managed to achieve astounding successes in the field of espionage.

One of the outstanding Russian operators has been Colonel Rudolph Ivanovitch. He was a Colonel in the K.G.B. He was thoroughly schooled. He went to the United States under the name of Emile E. Golfus. This name was taken from a child who died two months after birth and this name was carefully kept in the files of the K.G.B. and when the time was appropriate, Colonel Rudolph Ivanovitch assumed the identity Emile E. Golfus and went to the U.S.A. to spy there and he was one of the top-notch and most successful Russian operators in the United States of America, remaining there for almost seven years until, through no fault of his own, he was unmasked. He operated lawfully as an artist and photographer and he was responsible for some of the espionage coups of the Russians in the United States and he was only unmasked because at one time he accidentally dropped a gold coin in the Street. This was picked up by a small boy who gave it to a policeman. He went to the F.B.I. The F.B.I. opened it and found there was a little capsule inside it, which, when unveiled and read by the F.B.I. and the C.I.A. revealed a message that Colonel Ivanovitch, or rather Golfus, was going to transmit to Russia. He was unmasked ultimately, as I said, not through any fault of his own but because he was betrayed by his second-in-command who defected in Paris and got back to the United States and then Colonel Rudolph Ivanovitch was arrested and subsequently, Mr Speaker, Sir,

he was exchanged for two Americans, one Gary Powers who was shot down in the U-2 flight just before the Summit Conference between Eisenhower and Krushchev and incidentally the shooting down of that U-2 torpedoed the Summit Meeting between Eisenhower and Krushchev.

Mr Speaker, Sir, another instance of the extent to which the Russians go to achieve their ends is seen in the story of Lonsdale who assumed the identity of a Canadian, who again passed away and his photograph and passport was carefully kept and in time Lonsdale assumed that identity and then infiltrated into Britain and again he was one of the most successful post World War II Russian operators in Britain. Again ultimately he was unmasked by M.I.5.

Mr Speaker, Sir, being a student of espionage and counter-espionage, I could go on to talk about the achievements of the Russian. Suffice it to say, that we must not be so naive to think that because we pass this Act and because we have an efficient Special Branch all is well in this country. I dare say that there are lots of loopholes in our Security Services in this country and no doubt many foreign governments, not necessarily the Russians alone, are interested in penetrating and securing any security secrets that we may have.

Mr Speaker, Sir, espionage does not mean that one must go out and get secrets because one is selfish or one is hard-up and one wants money. There is the classic case of "Operation Cicero", for example, where the humble valet of the British Ambassador in Ankara during World War II, when the Ambassador was bathing—perhaps spending one hour in the bathroom—took the Ambassador's papers, photographed them and sold them to the Germans, but, unfortunately, he was paid in counterfeit British pounds. But, nevertheless, he revealed the secrets of the invasion of Britain to the Germans. Unfortunately, Ribbentrop and Hitler did not believe the authenticity of the secrets he sold to the Germans.

Mr Speaker, Sir, one of the standard ways that any foreign government would want to blackmail a citizen of any other country into spying for them would be to catch hold of the diplomats of a country not accredited to them in another country. The standard way,

Mr Speaker, Sir, would be, for example, to invite a chap to a hotel and you have taperecorders, you have hidden microphones and you have hidden cameras and while he unrobes and goes to bed with a woman—all this is taped, all this is photographed and then the Special Branch or the K.G.B. man would break in and say, "My God! What are you doing? This is my wife. You are seducing her!" Now, mind you, they have already photographed everything and in the space of less than half an hour they would produce to the diplomat the ultimatum, "Look here, chum, these are photographs of you in all your nakedness. You stand literally before us with your pants down. What are you going to do? We are very sensible people. We do not want to create trouble for you but if you will just co-operate, then we will destroy the negatives. We will give you the negatives and you can destroy them yourself and we won't say anything and you can make some money on the sideline." Now, this is a standard way, classic way in which Irvin Scarburg, for example, of the United States was trapped in Warsaw and I shudder to think of our Malaysian diplomats. We have heard of the peccadillos of some of them and they don't need any invitation from people to go to a hotel and if they are trapped in this manner, I shudder to think of the extent to which they can be blackmailed by any counter-espionage agency that the Soviet Government or the Russians or any other country operates.

Mr Speaker, Sir, I have touched on the Russian Secret Service because the Russians have spent a great deal of money. The Russians have penetrated each and every country all over the world. Maybe because it is their phobia that they are going to be invaded—they are all the time afraid of the security of the country—or maybe it is also because of their idea to conquer the world that they feel that they should penetrate the military and defence secrets of other countries and, therefore, they spend so enormous sums on their Secret Service.

But let us not fool ourselves. The United States of America also spends a great deal of money. The FBI has unveiled, as I have pointed out, Col. Rudolph Ivanovitch, otherwise known as "Abel", and they have many successes to their credit. They have also made many blunders which have given the Russians the ability to penetrate the Atom secrets.

Now, the CIA has been labelled as a government within a government, and the CIA, like the KGB, is also omnipresent. The CIA, I dare say, must have some operatives in this country, and the CIA not only seeks to penetrate the secrets of foreign governments, the CIA also seeks to topple foreign governments. A classic example of the success of the CIA in this direction is how the CIA fomented riots in Iran and toppled the Mossadique Government there. It is common knowledge that the CIA seeks to topple a large number of Middle-East governments.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I do hope that we will use the powers that are given in this Bill a little wisely. I myself would feel that in the interest of security of this country, the Government should be adequately equipped to tackle people who have fallen prey to the blandishments of foreign governments, but these enormous powers we are entrusting in the Government now should be used very wisely. The Member for Penang Utara and, I believe, also the Member for Bungsar pointed out, they are very afraid, and quite rightly so, Mr Speaker, Sir, that these enormous powers may be abused and I share their fears with them, particularly when I myself have from time to time come across over-zealous Special Branch officers. But I do feel that in the interests of the security of this country, the Government should be equipped with adequate powers to deal with people who may want to betray the secrets of this country. Thank you.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong di-atas Rang Undang² ini, tetapi bukan-lah menyokong kerana Polis boleh mengambil tindakan seperti mana ada dua Wakil Ra'ayat tadi menyatakan tangkap, hendak suka tangkap², bukan begitu. Saya menyokong, oleh kerana Rang Undang² ini lama sudah mesti di-luluskan dahulu atau di-buat dahulu. 10 tahun lamanya.

Waktu dahulu kita telah menghadapi dharurat dan di-dalam dharurat dahulu banyak warganegara kita. Warganegara kita yang di-katakan warganegara yang tidak ta'at kepada negeri kita, yang ta'atnya chuma di-mulut, tetapi tidak ta'at di-hati. Warganegara² yang seperti ini yang menolong pada musuh negara, maka dengan

sebab itu-lah 10 tahun lama-nya kita telah bertempur, berlawan musuh² kita dahulu dan berapa seksa-nya ra'ayat pada masa itu yang memberi makanan, perlindungan, pakaian dan segala²-nya dan juga rahsia² terhadap Pasokan Keselamatan kepada musuh² kita dan berapa banyak tentera² kita, atau askar² kita yang telah mati oleh kerana pengkhianat² warganegara yang ada di-dalam negeri kita ini memberi ma'alumat² begitu. Dengan sebab itu, dengan ada-nya Rang Undang² ini jangka-nya sudah lama kita adakan supaya dapat kita menangkap orang² ini, dapat kita menangkap bukan kerana tangkap sahaja siapa yang kita sakit hati, tangkap; yang kita tidak suka, kita tangkap, yang barangkali kalau dia Opposition Party kita tangkap, bukan begitu ma'ana-nya, tetapi sa-siapa juga yang telah menolong kepada musuh² kita.

Di-negeri kita ini ada dua musuh. Musoh yang kita takuti ia-lah musuh dalam selimut. Oleh kerana musuh dalam selimut ini bergerak di-bawah tanah, ini-lah musuh yang kita takuti sa-kali. Musoh di-luar boleh nampak, tetapi musuh di-dalam payah hendak nampak.

Saya ingat lagi di-masa konfrontasi dahulu dengan Indonesia. Kita ingat di-masa konfrontasi dahulu berapa ramai orang² yang kata ta'at setia kepada negara kita telah pergi ka-Indonesia. Di-sana mereka telah berlateh memikul senjata, kemudian datang ka-negeri kita ini dan menentang kita balek. Tetapi oleh kerana ra'ayat di-negeri kita ini boleh di-katakan negeri yang sa-habis² lembut, undang² yang habis² baik, undang²-nya teramat² timbang rasa, orang² yang menentang, orang² yang turun daripada parachute dengan senapang yang dapat kita tangkap, tidak ada apa². Dengan sebab itu, saya fikir pada hari yang akan datang, oleh kerana kita hendak memperlindungi ra'ayat yang tidak berdosa ini, oleh kerana ra'ayat yang tidak ra'ayat kepada negeri ini, yang memberi rahsia², bukan sahaja rahsia, tetapi juga pakaian, makanan dan perlindungan ada-lah musuh ketat negara. Saya bukan mengatakan spy, espionage, yang mana Ahli Yang Berhormat dari Batu mengatakan, oleh kerana itu terlampau tinggi, barangkali kita pun tidak tahu apa yang telah di-katakan espionage, C.I.A. dan sa-bagai-nya, tetapi yang saya tujukan ini ada-lah musuh² negara yang ada di-dalam negara kita. Ini-lah yang penting

sa-kali yang mesti kita jaga. Oleh kerana jikalau ada huru-hara nanti, ini-lah musuh² yang akan memberikan segala perlindungan, pakaian dan lain²-nya.

Tadi saya dapati, ia-itu ada di-antara Ahli² Yang Berhormat mengatakan yang undang² ini ia-lah undang² untuk menakutkan ra'ayat, kerana supaya ra'ayat boleh tunduk kepada Kerajaan. Saya ingat Kerajaan Perikatan tidak hendak menakut²-kan sa-siapa. Tidak payah Kerajaan Perikatan hendak menakut²kan sa-siapa. Kalau Kerajaan Perikatan hendak buat bagaimana yang Kerajaan Afrika telah buat. barangkali 99% di-negeri Afrika yang baharu merdeka, semua-nya Kerajaan dictatorship belaka. Semua Jeneral²-nya menjadi Presiden dan sa-bagai-nya, tidak ada demokrasi di-jalankan di-sana. Tetapi Kerajaan Malaysia ini tidak buat begitu, tidak berapa orang yang kita tangkap, yang kita tahan, melainkan betul² dia menjadi musuh negara. Dengan sebab itu, saya perchaya ramai ra'ayat tidak mengatakan ia-itu undang² ini ada-lah di-buat oleh kerana untuk menakut²kan ra'ayat. Rang Undang² ini di-buat untuk keselamatan ra'ayat.

Dengan sebab itu, saya dengan rengkas sahaja menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini, tetapi sungguh pun menyokong dengan sa-penoh²-nya, saya minta-lah pihak Polis supaya jangan-lah menggunakan kuasa yang telah di-berikan kepada mereka dengan sa-wenang²-nya untuk menangkap orang yang tidak bersalah.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama² mengambil bahagian di-dalam menyokong Rang Undang² Rahsia Rasmi yang ada di-hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kapada saya Rang Undang² ini sangat²-lah baik dan dengan sendiri-nya dapat menguji sa-jauh mana kesetiaan sa-saorang warganegara terhadap negara-nya sendiri. Baharu sa-bentar tadi, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telah bangun membuat bangkangan yang hebat terhadap Rang Undang² ini, kerana kata-nya Rang Undang² ini ada-lah salah satu daripada ikhtiar Kerajaan untuk menakut²kan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan kalau Ahli Yang Berhormat dari Bungsar memang menentang Rang Undang² ini, kerana kalau kita mengikuti jejak langkah Ahli Yang Berhormat ini, memang beliau suka kepada kerja² membochorkan rahsia. Sa-bagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, sa-masa Ahli Yang Berhormat itu bersahabat baik dengan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka banyak rahsia² antara kedua mereka ini di-ketahui oleh-nya, tetapi setelah beliau bergaduh, beliau berselisah faham, bertelingkah, segala rahsia²-nya di-dedahkan kepada orang ramai, sa-hingga perkara² yang tidak patut di-ketahui oleh orang ramai telah di-dedahkan dengan sa-wenang²-nya. Jadi, dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang² yang sa-macam ini kita galakkan di-dalam negara kita ini, maka sudah tentu Kerajaan kita tidak dapat berjalan dengan baik, kerana kalau semua pegawai² Kerajaan, semua pegawai² penting, semua orang² yang ada kait-mengait dengan Kerajaan bersifat seperti Ahli Yang Berhormat dari Bungsar, sudah tentu segala ma'alumat² penting yang sangat² di-jagai oleh Kerajaan tidak lagi menjadi rahsia rasmi, atau pun rahsia yang paling rahsia kerana boleh di-dedahkan dengan sa-wenang²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, terdahulu daripada ini pernah kita dapati di-dalam negara kita ini orang² yang suka menchari benda yang rahsia, sebab sudah menjadi tabi'i manusia apakala mendapati suatu benda itu rahsia, sa-olah² ada satu perasaan di-dalam hati-nya atau di-dalam pemikiran-nya ingin mengetahui dengan sungguh² perkara yang di-katakan rahsia. Sebab itu-lah sa-saorang yang mempunyai minat kepada benda rahsia ini, dia suka walau pun sa-hingga diri-nva terancham asalkan perkara yang di-katakan rahsia itu dapat di-ketahui-nya.

Pada masa yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ka-satengah² Jabatan Kerajaan, kadang² kita terperanjat; ini bukan semua, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah²; kita akan rasa terperanjat apabila mendengar chara desas-desus atau pun chara chakap perlahan², berbisek antara sa-orang pegawai dengan sa-orang pegawai, menerangkan rahsia yang ada kepada Kerajaan. Ini membuktikan bahawa ada-nya pembochoran rahsia yang di-lakukan oleh sa-saorang yang hampir dengan Menteri atau pun yang hampir dengan pihak² yang agak

memegang perkara rahsia di-dalam negara kita ini. Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya beri sa-chara kasar. Apabila sampai kepada masa dua tiga hari hendak di-bentangkan di-dalam Dewan ini mengenai dengan kenaikan chukai mital-nya, maka ahli² perniagaan yang pintar, yang bijaksana di-dalam tanah ayer kita ini sempat mengadakan stok barang² yang sa-chara kebetulan-nya menepati dengan kehendak Undang² yang hendak di-bentangkan di-Parlimen ini. Erti-nya ada di-dalam Perbendaharaan kita. Pegawai² di-dalam Kementerian Kewangan yang telah membochorkan rahsia yang bagini penting. Kalau tidak, saya perchaya maklumat yang bagini penting dan rahsia di-ketahui sa-lain daripada Jema'ah Menteri; Kalau Jema'ah Menteri tentu-lah dia mengetahui benda ini, kerana dia yang merangka, tetapi di-luar Jema'ah Menteri yang mengetahui perkara yang sa-macam ini erti-nya perkara yang seperti ada-lah di-bochorkan. Dengan sebab itu-lah kadang² soal kenaikan chukai ini menjadi satu peluang kepada orang² yang tertentu mendapat kekayaan yang berganda² di-dalam tanah ayer kita ini.

Saya berharap kepada Kerajaan di-dalam melaksanakan kehendak² Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak-lah bersikap sa-chara tegas, tidak mengenalkan kawan atau lawan dengan tidak mengendahkan sama ada sahabat yang rapat, atau tidak demi kepentingan negara, demi memelihara rahsia rasmi Kerajaan, demi menunjukkan kesetiaan kepada negara ini. mesti-lah di-ambil tindakan dengan sa-wajar-nya.

Saya berpendapat hukuman² yang akan di-kenakan ka-atas sa-saorang yang melakukan kesalahan membochor rahsia rasmi, atau pun menjadi penyuloh, atau pun menjadi pengintip untuk mendapatkan maklumat² yang di-anggap rahsia rasmi Kerajaan seperti yang terchatet di-dalam Rang Undang² ini, kalau hendak di-bandingkan dengan negara² yang lain. Kita terdapat begitu ringan, kerana ada sa-tengah² negara yang membuat sa-suatu undang² boleh di-hukum bunoh, atau di-tembak di-khalayak ramai bagi mereka yang memechahkan, atau yang memberi maklumat mengenai dengan rahsia rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan kalau Parti Pembangkang menentang Rang Undang² ini, kerana bagi Ahli² Pembangkang memang lah uka mendapat rahsia² Kerajaan untuk di-sebarkan kepada orang ramai dengan chara dan di-tambah lagi

supaya benda yang menjadi rahsia Kerajaan itu akan di-terima oleh Kerajaan dengan chara yang boleh mendatangkan suatu perasaan menentang Kerajaan, sebab itu-lah sekarang ini sa-belum sa-suatu undang² dibuat oleh Kerajaan, sa-belum sa-suatu perkara di-putuskan oleh Jema'ah Menteri mithal-nya, kalau sa-chara angin pehak Pembangkang dapat mengetahui dengan kebijaksanaan-nya telah dapat menggunakan orang² yang tertentu dalam Jabatan Kerajaan sa-bagai ejen-nya, maka di-sebarkan kepada orang ramai, di-beritahu kepada orang ramai dengan sa-chara mendadak sehingga meletus sa-suatu kejadian yang tidak di-ingini di-dalam negara kita. Maka dengan sebab itu, dalam melaksanakan kehendak Rang Undang² ini, saya sa-kali lagi mengharapkan kepada Kerajaan supaya bertindak dengan bersungguh² sama ada kawan, atau lawan, sama ada sahabat yang hampir, atau yang jauh, atau pun kalau perlu terdapat di-kalangan Menteri sendiri mithal-nya yang sa-chara tidak langsung membochorkan maklumat, atau rahsia penting, kerana kepentingan-nya sendiri, hendak-lah di-ambil tindakan dengan tidak ada pileh kaseh lagi, kerana seperti yang saya katakan tadi, saya bawa chontoh mengenai kenaikan chukai itu, ra'ayat hari ini bertanya² dari mana ahli² perniagaan ini mendapat tahu sa-suatu barang itu hendak di-naikkan chukai, sebab ini ada-lah perkara yang paling sulit, dan paling rahsia di-dalam Jema'ah Menteri.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sa-kali lagi saya ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan yang mengemukakan Rang Undang² ini dan saya akan melihat sa-jauh mana perlaksanaan-nya supaya kehendak di-dalam Undang² ini dapat berjalan dengan baik-nya.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to give a few comments on this Bill. Firstly, we are concerned about some very wide-ranging Clauses which are provided in this Bill. I refer, for instance, to Clause 9, Sub-clause (2), which says:

"If any person for any purpose prejudicial to the safety of Malaysia—

- (a) retains any official document, whether or not completed or issued for use, when he has no right to retain it shall be guilty of an offence punishable with imprisonment

not exceeding seven years or a fine not exceeding ten thousand dollars or both such imprisonment and fine."

Firstly, the definition of "safety" and "in the interest of Malaysia" can cover a multitude of sins. I think in this House and outside this House, we have seen the demonstration of an attitude and a frame of mind as to the perverted understanding of the meaning of "loyalty" for instance. There are people who equate loyalty to the nation with loyalty to the Government, loyalty to the ruling party of the day. Those who dare to disagree too vigorously with the ruling party of the day are termed as "disloyal", and therefore can be prejudicial to the safety of Malaysia—not for the interests of the country but for the interests of the ruling group. This is not hypothetical because I think in the brief period of Malaysian nationhood since independence, we have seen examples of such abuses and perversion of the meaning of "loyalty", of the meaning of "safety", of the meaning of "interest of the nation". In this House, we have seen people who, not so long ago, were considered anti-national and disloyal, who, with a turn of the hand, have suddenly become very loyal, very national and very useful citizens of the country; and one of those, of course, is here this evening—the Honourable Member for Tanjong.

Mr Speaker, Sir, this Official Secrets Act concerns the Special Branch. I wish to take this occasion to raise some of the burning issues which, I think, this Parliament and the nation should know about—concerning the Special Branch—because we in the Opposition party have experienced Special Branch harassment and Special Branch intimidation of our political workers. On what ground? Again, on the ground "of the interest of the nation", "of the safety of the nation"; and probably anybody who hampers such work would be considered as contravening, as obstructing the work in the upholding, in the furtherance of the objectives of the Official Secrets Act.

We are aware, for instance, that not only does the Government concern itself with protecting the country from spies of foreign powers to collect information useful to them and they have their counter-espionage, but they also have a spy network to deal with internal Opposition parties. I am sure there is a special unit in the Special Branch, specially designed to think up and implement

projects in order to break up, and wreck Opposition parties which have become too strong or too powerful for the liking of the Government. Here, this is no joke. The country knows that one of the reasons why the Labour Party disintegrated was because of the operations of the special projects section of the Special Branch. It is universal knowledge. It is not a fiction.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: On a point of clarification.

Tuan Lim Kit Siang: I won't give way on a point of clarification. In the same way, they have been trying, for instance, on the D.A.P. and, of course, they have tried their traditional methods, the strong-arm methods of intimidating, of brow-beating and then alternating with the more insidious methods of trying to make use of the human weaknesses of men, just like in counter-espionage, where you try to blackmail diplomats into your service by making use of their human weaknesses, by leading them into compromising positions either because of their special predilections for women, for wine, or for wealth. That is one of the reasons why we have found some of our Members of Parliament and State Assemblymen joining the ranks of the Alliance. (*Ketawa*)

So the question is this. If these operations are considered to be in the interest, for the safety of Malaysia, and if we—as we will, of course—do all that we can to counter it, we will be considered to be obstructing, to be hampering the work of the police officers or whoever it is in the furtherance of this clause. I would urge the Government to desist from such operations, to leave the Opposition parties alone, practise true democracy, tell the Special Branch to let off, tell the project section of the Special Branch to stop its concoction of plans and the implementation of

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, the Honourable Member seems to be imputing improper motive on the part of the Home Minister or Minister-in-charge of this in carrying out the purposes of this Bill if it becomes law. If that is the case, I will not allow it.

Tuan Lim Kit Siang: No, I am not imputing any motive. But I say there is a divergence of the definition of national

interest and national safety. Probably in the viewpoint of the Honourable Minister or whoever is implementing it, he says it is in furtherance of the national safety and national interest, and I am stating that from such divergence of views, powers can be used not actually for national interest but for partisan purpose.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: That is why I say, imputing improper motive.

Tuan Lim Kit Siang: There was a proper motive but improper perception of duties and obligations. There is no imputation of improper motive, Mr Speaker, Sir. So I would wind up on this point, and urge the Deputy Minister to call off the Special Branch's harassment of Opposition party workers and Opposition politicians.

Another point, Mr Speaker, Sir, is with regard to the definition of "prohibited place" which includes the detention camps. Under Clause 4, if any person takes or makes any document of such a prohibited place, it can be an offence. What does it mean? Does it mean that if having been detained for 18 months in the Muar detention camp, I came out and make a document, if I write about what I know from my experience in the camp, I am making a document and is that going to make me guilty of an offence under the Official Secrets Act? I mean the powers can be so wide, can be so terrifying that it should not be allowed.

Finally, on the point that if any person for any purpose prejudicial to the safety of Malaysia, retains any official document which he is not supposed to have, I think it is going to intimidate and browbeat Civil servants. We know that in the past, Opposition Members of Parliament have sometimes been able to do the nation and the people a service by exposing certain short-comings and malpractices because of information from Government servants, not because they wanted to betray the Government but because that seemed to be the only way to right a very wrongful situation. I think to make such a provision come under the ambit of this Act is not going to promote a freer, a more liberal, a more democratic society. On the other hand, there is going to be an even more conscribing, restraining, inhibiting atmosphere which I think goes against the very grain of the Rukunegara, one of the five

principles of which is "to uphold a democratic way of life". How much, how deeply the Government believes in it, I do not know, but from all the actions and the measures taken, they do not seem to point towards the fulfilment of that principle, but towards its negation. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Rahsia Rasmi ini dan gemar saya memberi sedikit pandangan² kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menafikan dengan keras bahawa Rang Undang² ini untuk menakutkan ra'ayat, bahkan Rang Undang² ini bertujuan memberi keadilan kepada seluruh ra'ayat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang saya hendak bangkitkan ini, pertama saya hendak sentoh dalam Fasal 1. Nombor dua, fasal tempat larangan dan juga perlindungan. Menurut hemah saya, Dato' Yang di-Pertua, bahawa anggota yang terpenting dalam Rang Undang² ini yang akan di-peruntukkan ia-lah Angkatan Tentera dan Polis. Bagaimana kita sedia ma'alum bahawa tentera akan di-tugaskan kerana mempertahankan kemerdekaan negeri ini dan kedaulatan negeri ini dan juga mempertahankan negara² sa-kira-nya diserang musuh dari luar.

Kemudian polis untuk menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri ini supaya semua hidup dalam aman dan tenteram. Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tengok baharu² ini telah berlaku pertengkaran antara anggota polis dengan angkatan tentera hingga melarat² kamahkamah, saya harap Kerajaan supaya menimbangkan sa-mula supaya polis dan angkatan tentera ini di-satukan di-bawah Kementerian Pertahanan. Dan ini supaya dapat kedua² pasokan ini membulatkan tujuan-nya dengan mengamalkan dan melaksanakan Akta Rahsia Rasmi ini. Kalau ta' boleh, Tuan Yang di-Pertua, adakan Jawatan-kuasa muhibbah di-antara Pasokan Polis dan Angkatan Tentera. Kita nampak pada masa sekarang muhibbah itu ada-lah pada peringkat atasan tetapi pada peringkat bawahan dan pada peringkat anggota Polis biasa dengan askar biasa menurut hemah saya tidak begitu muhibbah. Dengan keadaan yang macham ini dapat-lah kedua² anggota yang memelihara keselamatan negara ini rapat dan mesra dari sa-masa ka-samasa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tempat² yang rahsia, termasuklah kerja² pertahanan, gudang senjata dan lain². Negeri kita sekarang telah mewujudkan gudang membuat peluru dan juga gudang membaiki senjata atau memasang senjata. Perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan supaya meneliti dan menjaga tata-tertib yang ketat dan melihat anggota² yang menjaga kilang peluru ini dengan chukop chermat, demikian juga pada anggota² yang memasang senjata. Senjata yang kita hendak pasang ini, Tuan Yang di-Pertua, menurut hemah saya hendak-lah sesuai dengan Angkatan Tentera kita orang Asia jangan senjata² yang berat² yang tidak sesuai dengan keadaan-nya.

Dalam masalah perlindungan, Tuan Yang di-Pertua, gemar saya menarek perhatian ia-itu dalam Akta ini hanya mereka yang melakukan kesalahan di-hukum penjara tidak lebih dari 7 tahun atau di-denda tidak lebih daripada \$20,000 atau kedua²-nya sa-kali. Menurut apa yang saya fahamkan bahawa kesalahan yang di-buat oleh manusia ini sangat ringan kepada negara kita dan mereka ini juga sa-bagaimana pengkhianat negara kita. Ada lebih baik hukuman ini kita lanjutkan sa-hingga 20 tahun dan denda hingga \$100,000 atau kedua²-nya sa-kali, kalau ra'ayat ini ra'ayat yang bermohon kera'ayatan, kita pulangkan dia balek ka-negeri asal-nya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perlindungan ia-itu perlindungan makanan, minuman, wang, pakaian, senjata, peluru dan kenderaan kepada musuh² negara. Kita sedia ma'alum bahawa musuh negara kita sekarang ia-lah kominis yang militan. Kita nampak sekarang kominis telah masuk ka-dalam negeri kita ini. Siapa yang beri perlindungan ini, Tuan Yang di-Pertua? Tidak lain dan tidak bukan menurut hemah saya ia-lah ra'ayat dalam negeri ini sendiri. Oleh itu, saya harap atas apa yang saya kata hukuman itu sangat-lah sejajar bagi mereka. Kita sekarang, Tuan Yang di-Pertua, jangan sangat berlembut kepada musuh² yang menjadi pengkhianat negara, kita tangkap suami² yang menjadi pengkhianat negara ini yang bersubahat dengan kominis atau anggota pasokan kominis yang militan, tetapi isteri-nya, keluarga-nya kita beri makan. Jabatan Kebajikan Masyarakat beri makan, minum, pakaian kepada isteri²

dan keluarga mereka. Lepas itu mereka di-hukum keluar di-beri pekerjaan yang terjamin. Saya harap manusia yang sa-macham ini bukan sahaja dia kita kena hukum, anaknya dalam rumah, keluarga-nya dalam rumah pun patut kita hukum dan juga kampong itu kita hukum supaya menjadi satu keinsafan kepada manusia² yang lain. Kita jangan sangat berlembut, Tuan Yang di-Pertua, ada orang² berkata bagi pehak pengkhianat negara ini apa kita susah, Kerajaan Perikatan, Kerajaan yang adil, Kerajaan yang bertimbang-rasa akan memberi keadilan kepada kita bila kita lepas daripada penjara atau pun kita buat satu kesalahan anak isteri kita, Kerajaan Perikatan akan tanggung. Jadi masalah² yang macham ini, saya fikir patut di-timbangkan sa-mula. Kita mengambil tindakan yang keras dalam masalah² manusia yang jadi musuh negara kita. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang menyokong Rang Undang² ini. Saya mengambil peluang untuk menjawab sedikit sa-banyak tentang tegoran² daripada Ahli Yang Berhormat itu dan di-dalam jawapan saya ini, saya minta izin untuk berchakap sa-patah dua dalam bahasa Inggeris apabila sampai masa-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengeshorkan supaya polis dan tentera dimasukkan di-bawah satu Kementerian dan mengeshorkan di-bawah Kementerian Pertahanan. Saya rasa, ini tidak perlu, kerana pasokan polis kita ada-lah pasokan awam. Jadi ta' mustahak-lah di-bawah Kementerian Pertahanan, kerana pertahanan ini biasa mengandongi pasokan² tentera.

Berkenaan dengan kes yang di-sebut dalam akhbar baharu² ini ia-lah chuma kes kechil sahaja dan ini memang boleh berlaku dan memang ada pehak² atasan, pehak tentera dan pehak polis sentiasa mengadakan perjumpaan² muhibbah untuk ahli² dan anggota² kedua² pasokan polis dan tentera sentiasa dalam keadaan yang baik, perhubungan yang baik dan muhibbah di-antara mereka.

Saya juga suka menjawab tegoran yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut ia-lah ia meminta supaya undang² ini dijalankan dengan chara tidak ada pilih kaseh.

Ini memang-lah hasrat Kerajaan melaksana, atau pun menjalankan undang² itu sa-memang-nya tidak ada pilih kaseh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk berchakap sa-patah dua dalam bahasa Inggeris berkenaan dengan tegoran² yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Bungsar accused that the Bill gives sweeping powers to the Government. This is actually not true because the powers of arrest without warrant given to a Police Officer is for the purpose of investigation only, and the accused will eventually be tried in a court of law, which will decide whether the accused is guilty or not.

The Honourable Member also said that the Bill will paralyse the Government Service and terrorise the Government servants. I can assure the Honourable Member that this is not the intention. The basic aim of introducing this Act is to combat any attempt by Civil Servants from indulging in the highly specialised field of spying and selling official secrets to a foreign country, as any damage done by those involved is detrimental to the security of the country and it is considered an act of disloyalty to the country; hence it is necessary to impose severe penalties.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: What are you intending to do?

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: To clarify your earlier speech?

Tuan Goh Hock Guan: No, the point raised by the Minister, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: No, you cannot. You can only clarify your earlier speech if you consider that it has been misunderstood by the present speaker.

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir, that is the point which I want to drive at.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: *(Kapada Tuan Mohamed bin Yaacob):* Do you give way?

Tuan Mohamed bin Yaacob: No, I am not giving way.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: (*Kapada Tuan Goh Hock Guan*) No, please sit down.

Tuan Mohamed bin Yaacob: I thank the Honourable Member for Batu for supporting the Bill and for giving examples of espionage activities of the Russian K.G.B. and the American C.I.A. I can assure Honourable Members that the powers vested will be used very judiciously as I informed the House earlier that the object of this Bill is to equip the Government with adequate powers to deal with those who succumb to the needs of foreign countries.

The Honourable Member for Bandar Melaka

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I am afraid time is up. Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh-kah sambong pada hari Ithnin?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

PENANGGOHAN

(Usul)

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya meshuarat ini di-tangguhkan sekarang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

MEMINDA ORDINAN PERKAHWINAN CIVIL

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, the matrimonial laws as applied to the non-Muslims in Malaysia are multifarious and in a state of confusion. Very often the lawyers themselves are unsure of what the laws are that apply to a particular case. The pronouncement of the High Court in a recent case regarding the seven sins of a Chinese woman by which she can be

unilaterally divorced has not helped to clear the confusion but has in fact deepened the complexity of a search for clarity. It has given rise to much anxiety among the people.

In Malaysia the Chinese and the Hindu customary marriages co-exist side by side with the marriages solemnised under the Civil Marriage Ordinance. The Chinese and the Hindu customary marriages are polygamous while those under the Civil Marriage Ordinance are monogamous. It is the trend in modern societies to do away with polygamous marriages. Indeed, in Singapore the Women's Charter has made all non-Muslim marriages monogamous. The question is, when are we going to have our own Women's Charter?

Again, it is distasteful to note that in Chinese customary rites, many marriages have taken place within the normally prohibited degrees of relationship. It is therefore not unusual for a Chinese man to take a woman and her sister to be his wives. The customary divorce laws do not very often give adequate protection to the welfare of the children of the polygamous marriages. For instance, it is now the practice of a Chinese couple married under the Chinese custom wishing to divorce, to enter into a divorce agreement and it is usually a term of the agreement that the children be split equally between the parties. Hence, the children are separated in their tender age giving rise to all sorts of complications, legal and social, later on. It is my fervent hope that the Government will soon decide that all non-Muslim marriages will be brought within the ambit and scope of the Civil Marriage Ordinance so that the interests of the womanfolk and those of the children may be adequately protected. The emancipation of the fairer sex is long overdue in our country. The "one man, one wife" principle should be implemented without delay. However, on the other hand, several grounds for divorce embodied in the Divorce Ordinance should be made easier for the purpose of divorce.

With regard to the ground of desertion, the period required is for a period of not less than three years to enable such a ground to be sustained in court. I suggest this period should be reduced to 1½ years. Secondly, a new ground for divorce, namely, incompatibility of the spouses should be included.

More often than not, marriages suffer a complete breakdown and there is hardly any hope of a reconciliation, but in spite of this fact the spouses cannot get a divorce because their case does not fall within one of the specified grounds for divorce.

I understand the Government has set up a Royal Commission to look into the Matrimonial Laws affecting the non-Muslims and that it has submitted a report to the Government. Unfortunately, nothing has been heard of it. It has not been tabled in Parliament for consideration. It is sad to say that the Government does not keep up with the times by updating the laws. Anachronisms in our laws are not done away with. The Attorney-General's Chambers is well advised to keep abreast with the social changes. Thank you, Sir.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan oleh Ahli Yang Berhormat sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah berkata ia-itu Surohanjaya di-Raja yang di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Hakim Besar, Tan Sri Ong Hock Tye telah di-lantek pada 4hb Februari, 1970 untuk mengkaji dan membuat shor² kepada Kerajaan berkenaan Undang² Perkahwinan dan Percheraian bagi orang² yang bukan Islam. Ordinan Perkahwinan Sivil ada-lah salah satu daripada Ordinan yang termasuk di-dalam "Terms of Reference" Surohanjaya di-Raja ini.

Surohanjaya di-Raja ini telah mengeluarkan satu Laporan (Report of the Royal Commission on Non-Muslim Marriage and Divorce Laws) pada tahun lepas dan men-chadangkan satu rang undang² yang bernama "Law Reform (Marriage and Divorce) Bill, 1972". Laporan ini boleh di-dapati di-Jabatan² Chetak Kerajaan. Sukachita di-nyatakan bahawa segala unsur² yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah termasuk di-dalam Laporan Surohanjaya di-Raja ini.

Pengumuman telah pun di-buat oleh Kerajaan melalui alat² penyebaran 'am berkenaan dengan Laporan ini dan juga meminta orang² awam memberi pandangan terhadap-nya. Sukachita-lah kira Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan pandangan²-nya kepada Surohanjaya itu bagi tegoran dan laporan itu dan ini akan di-

masokkan kalau sa-kira-nya di-fikirkan mustahak dalam Rang Undang² itu. Terima kaseh.

CHUKAI PENDAPATAN UNTOK ISTERI² BEKERJA—PENGECHUALIAN

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to raise to-day the question of husbands and wives' incomes being added together as required under present law which therefore compel the people to pay more tax than is fair.

The present income tax policy bears heavily not on the rich whose wives do not have to work but on that large silent group of middle income group of wage earners in both the public and private sectors. If Government cannot change this present unfair arrangement, I urge strongly that consideration should be given at least to raising the relief allowance in respect of wives and children and also in respect of insurance and E.P.F. contributions.

In his usual manner, Sir, the Finance Minister may say that taxing husbands and wives separately is too complicated a job, but I would, if I may, draw his attention to the fact that before the Income Tax Act of 1967, a husband living in West Malaysia and a wife working in East Malaysia were assessed separately. Why can't this be done now throughout Malaysia to help the silent struggling middle income group whom nobody seems to want to champion? If the Finance Minister could take a positive and responsive attitude towards my suggestion, then the Government will earn the support and gratitude of a large number of people. Furthermore Sir, the country would benefit from the big number of wives who will then be able and willing to go into the teaching, clerical, nursing, medical and legal fields to help the country's acute shortage for such skilled women-power.

I give here, Sir, an analysis to show the Finance Minister how a married couple with 3 children are hit hard compared with a single person. For purpose of comparison, Sir, let us assume that the single person earns \$24,000 a year, whilst the married man earns \$18,000 and his wife \$6,000. The comparative position will be that the single bachelor pays an income tax increase of 35%

from 1950 to 1971 and gets a nett take home pay of \$17,970 in 1950 and \$16,060 in 1971. The married couple, on the other hand, pays an increase of 46% (11% more than the bachelor) and the total take home pay is \$18,633 for 1950 and \$16,800 for 1971. It can be seen, Sir, from this analysis that a family of 5 had only \$663 and \$740 a year left in 1950 and 1971 respectively more than the bachelor out of a total gross income of \$24,000. This, Sir, is obviously very unfair for couples with children, and I therefore urge immediate remedy.

It is to be remembered, of course, that some single persons may have to look after aged parents and relatives. My argument is not against the single person who also has his or her problems. My proposal is that Government should redress the present injustice suffered by the great number of working couples with children who have to pay income tax based on their aggregated income. Thank you.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, chadangan pertama Ahli Yang Berhormat ia-lah supaya pendapatan sa-orang suami dan isteri tidak di-satukan untuk pengiraan Chukai Pendapatan tetapi hendak-lah di-taksirkan berasingan. Mungkin chara perkiraan sekarang tidak menggalakan wanita² yang sudah berkahwin itu bekerja. Ini barangkali bukan-lah satu perkara yang tidak baik. Jika di-ingat bahawa kadar penganggoran dalam negeri ini boleh jadi lebih rendah dan dari itu faedah² pekerjaan dapat di-perluaskan kepada sa-berapa ramai orang yang boleh.

Ini berma'ana bahawa di-mana suami² ada-lah bekerja dari pendirian masyarakat sa-chara keseluruhan-nya isteri² tidak-lah patut bekerja dan sa-kira-nya mereka bekerja mereka hendak-lah membayar chukai yang lebih sedikit. Dari pendirian Kerajaan juga menjumlahkan pendapatan suami² dan isteri² bagi tujuan² perchukaian mendatangkan hasil yang lebih oleh kerana chara menjumlahkan seperti ini menambahkan jumlah pendapatan. Dan jika lebih tinggi tingkatan pendapatan, maka lebih tinggi-lah kadar chukai-nya.

Berkenaan dengan chadangan kedua bahawa perlepasan bagi anak hendak-lah di-tambah ada-lah di-ingatkan bahawa dasar Kerajaan untuk melambatkan kadar penambahan penduduk². Sa-balek-nya ada kes yang lebih baik bagi mengurangkan perlepasan seperti itu. Sementara menyentuh perkara ini, perlu saya nyatakan bahawa sa-orang laki² yang mempunyai sa-orang isteri dan lima orang anak tidak akan membayar Chukai Pendapatan satu sen pun, jika pendapatan-nya ada-lah tidak lebih daripada \$5,350 sa-tahun, atau kira² \$446 sa-bulan. Ada-lah berpatutan sa-kira-nya sa-orang laki² yang mempunyai pendapatan yang lebih daripada jumlah ini menyumbangkan sedikit terhadap perbelanjaan 'awam.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga hari Isnin pukul 2.30 petang.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.42 petang.